

Jilid III
Bil. 1

15/1/79



Hari Isnin
6hb Disember, 1976

LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA
Third Session

MESYUARAT YANG KETIGA
Third Meeting

Jilid III
Bil. 1



Hari Isnin
6hb Disember, 1976

LAPURAN PERSIDANGAN
OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT
FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA
Third Session

MESYUARAT YANG KETIGA
Third Meeting

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN SPEAKER [2]
MEMBENTANGKAN RISALAH-RISALAH [2]
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN [2]
JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN [22]
RANG UNDANG-UNDANG [26]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

Laporan Persidangan

PENGGAL YANG KETIGA

MESYUARAT YANG KETIGA

Hari Isnin, 6hb Disember, 1976

HAZIR :

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Haider bin Mohd. Noor)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)
" " Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah, D.M.P.N., A.M.N., J.P.)
" " Kawasan Kampong Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.P.)
" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Bakap (Encik S. P. Chelliah, J.P.)
" " Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
" " Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
" " Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias* Khor Gark Kim)
" " Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor, P.J.K.)
" " Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)
" " Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)
" " Kawasan Paya Terubung (Encik Khoo Teng Chye)
" " Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
" " Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed *alias* Mahmud, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)
" " Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, P.J.K.)
" " Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
" " Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
" " Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
" " Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)
" " Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
" " Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
" " Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TIDAK HAZIR

- " " Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)—Cuti
" " Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)—Sakit

TURUT HAZIR :

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.M.)

Dewan bersidang pada jam 9.30 pagi.

1. DOA

PENGUMUMAN TUAN SPEAKER

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada tiga pengumuman.

Pertama, saya telah membenarkan cuti dari Dewan ini kepada Yang Berhormat Dr Choong Sim Poey, Ahli dari Sungai Nibong, untuk mengunjungi Australia mulai dari 23hb November, 1976 sehingga 25hb Disember, 1976.

Yang kedua, saya adalah diberi faham bahawa Yang Berhormat Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad, P.J.K., Ahli dari Tasek Glugor, sedang mengidap penyakit dalam badan. Oleh itu saya benarkan beliau tidak hadir dalam Dewan ini.

Yang ketiga, Dewan ini mengucapkan terimakasih kepada bekas Penasihat Undang-Undang Pulau Pinang, iaitu Encik Mohd. Noor bin Haji Ahmad, di atas jasa-jasa yang cemerlang yang telah diberi oleh beliau dalam Dewan ini. Dewan ini juga ingin mengalu-alukan perlantikan Encik Haidar bin Mohd. Noor sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang yang baru.

2. MEMBENTANGKAN RISALAH-RISALAH

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon membentangkan di atas Meja Dewan Kertas Bilangan 13 hingga 16, tahun 1976, seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

3. (A). JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN.

(I). **Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad)** bertanya kepada Ketua Menteri:

SOALAN DI BAWAH PERATURAN MAJLIS MESYUARAT 26 (4).

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Mengikut Peraturan 26 (4) saya wakil Penaga ingin mendatangkan soalan pertama.

1. Saya ingin tahu apakah keputusan Kerajaan Negeri ini atas kajian yang telah dibuat bagi memecahkan Daerah Seberang Perai Utara kepada 2 daerah atau wujudkan sebuah daerah kecil.

(1. I would like to know what is the decision of the State Government on the study to demarcate a new district cut of Province Wellesley North or to create a sub-district?).

Ketua Menteri: Tuan Speaker, pada fikiran Kerajaan Negeri adalah tidak ada perlunya untuk memecahkannya kepada dua daerah atau mengujudkan sebuah daerah kecil di Seberang Perai Utara oleh kerana pentadbiran daerah tersebut berjalan dengan agak licin dan efisien juga.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Soalan Kedua, Tuan Speaker,

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung atau J.K.K.K. di Negeri Pulau Pinang, khasnya bagi daerah Seberang Perai Utara, akan ditubuhkan lagi?

Jika jawapan Y.A.B. Ketua Menteri bahawa Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menubuhkan lagi Jawatankuasa ini, saya ingin tahu kenapa ianya tidak boleh ditubuhkan?

Jika jawapan Y.A.B. Ketua Menteri bahawa Kerajaan Negeri akan menyiasat serta menubuhkan lagi Jawatankuasa ini, khasnya bagi Daerah Seberang Perai Utara, ianya patutlah ditubuhkan di kawasan Pajak Song dekat Kepala Batas, dan di kawasan Kampung Tok Bidor, Tasek Glugor, Seberang Perai.

(2. Can the Honourable Chief Minister inform this House whether more of the Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung or J.K.K.K. in the State of Penang will be set up particularly in the P.W. North District? If the reply of the Honourable Chief Minister is that the State Government does not intend to set up more of these committees, I would like to know why not. If the reply of the Honourable Chief Minister is that the State Government intends to look into the possibility of setting up more of such committees, particularly for the P.W.N. District, it should be set up in the areas of Pajak Song near Kepala Batas and in Kampung Tok Bidor, Tasek Glugor, Province Wellesley?).

Ketua Menteri: Tuan Speaker, buat masa ini adalah memadai dengan 107 buah Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang telah ditubuhkan di Negeri Pulau Pinang. Penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung ini adalah berasaskan keluasan dan bilangan penduduk sebuah kampung itu. Jika terlalu banyak JKKK yang ditubuhkan dalam keadaan sekarang ini adalah dikuatirkan terlalu banyak kerja yang bertindas-balik dan tidak wujud perpaduan di kalangan rakyat di satu kawasan JKKK itu. Walaubagaimanapun ianya akan dikaji semula dari semasa ke semasa jika timbul keperluannya. Kampung Pajak Song dewasa ini adalah sebahagian daripada JKKK Kepala Batas sementara Kampung Tok Bidor adalah sebahagian daripada JKKK Tasek Glugor.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan ketiga.

3. Memandangkan kepada tugas Y.A.B. Ketua Menteri yang sangat berat, saya ingin tahu adakah satu Enakmen bagi mengujudkan Jawatan Timbalan Ketua Menteri, Pulau Pinang, akan dibentangkan oleh Kerajaan kepada Dewan bagi diluluskan?

(3. In view of the fact that the duties of the Honourable Chief Minister are heavy, I would like to know whether an Enactment to create the post of Deputy Chief Minister, Penang, will be tabled by the Government in this House for approval?).

Ketua Menteri: Tuan Speaker, kita mesti pertimbangkan soalan ini dengan teliti, dan jawapan saya ialah masa sekarang tidak; tetapi satu Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang terdiri daripada:

Y.B. Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah

Y.B. Encik Khoo Kay Por

Y.B. Encik David Choong
telahpun dilantik untuk menyelidik perkara ini dan perkara-perkara serupa ini dan untuk membuat perakuan-perakuan yang sesuai.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan keempat.

4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa bantuan-bantuan Kerajaan yang disalurkan kepada penduduk-penduduk di Negeri kita mengenai dengan bantuan tanah-tanah merah dan serbuk batu untuk jalan-jalan kampung adalah merugikan Kerajaan sendiri? Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengetarkan jalan-jalan kampung yang ada sekarang bagi mengelakkan kerugian yang semakin banyak oleh Kerajaan?

(4. Is the Honourable Chief Minister aware that assistance in the form of red earth and quarry dust given to the people in our State for kampung roads are a wastage of Government funds? Has the Government any plans to metal the existing roads in the kampungs to prevent further wastage by the Government?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, bantuan-bantuan bahan seperti tanah merah dan habuk kuari adalah dibekalkan oleh Kerajaan kepada penduduk-penduduk kampung atas permintaan mereka dari semasa ke semasa untuk membantu mereka memperbaiki jalan-jalan tanah seumpama itu secara gotong-royong yang berada di atas tanah persendirian dan bukan diselenggarakan oleh sebarang agensi Kerajaan.

Pertimbangan untuk mengambil alih jalan-jalan tanah di kampung-kampung oleh Kerajaan akan bergantung kepada asal-usul sesuatu kes.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan saya mahu tanya. Saya tahu Kementerian Kemajuan Kampung dan Perumahan ada bagi bantuan-bantuan untuk kampung-kampung di dalam Negeri kita. Negeri kita juga ada JKKK yang ada membantu bagi kemajuan kampung. Saya mahu tanya, adakah apa-apa dialog bagi bertukar fikiran berkenaan kemajuan kampung? Adakah selalu Kementerian Kemajuan bagi wang kepada kampung-kampung di dalam Negeri kita. Negeri kita juga ada bagi bantuan-bantuan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Tuan Speaker, itu adalah soalan lain, tidak berkaitan dengan soalan asal.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan tambahan, Tidakkah boleh ditarkan jalan-jalan kampung?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, permintaan seperti itu bolehlah dikemukakan kepada Jawatan-kuasa Tindakan Daerah dan perkara ini bolehlah disyorkan kepada Jawatan-kuasa Penasihat Kerja-kerja Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Terima kasih.

Datuk Speaker, soalan kelima.

5. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang dan akan datang akan menyediakan bantuan-bantuan yang diperlukan oleh balu-balu bagi perajurit-perajurit kita dari rakyat Pulau Pinang yang terkorban semasa menjalankan tugas-tugas mereka?
- (5. Will the Government at present and in future provide the necessary assistance to the widows of military personnel from the State of Penang who are killed while performing their duties?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, setakat ini tidak ada perajurit-perajurit dari Pulau Pinang yang terkorban semasa menjalankan tugas-tugas dan oleh itu bantuan kepada balu-balu tidak berbangkit.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Terima kasih.

(II) Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak) bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan yang pertama.

1. Adakah apa-apa cadangan Kerajaan Negeri di atas tanah kosong bekas tapak berek polis Butterworth yang sedang dalam pembersihan sekarang ini? Jika tiada, apakah syor-syor Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi mengisi kekosongan tempat itu?
- (1. Has the State Government any plans for the piece of vacant land which was the former site of the Butterworth police barracks and which is now being cleared? If there are no plans, what are the recommendations of the State Government

to the Federal Government regarding the piece of land?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, tempat itu akan digunakan untuk membina sebuah berek polis baru. Terdapat suatu cadangan untuk membina Ibu Pejabat "Circle/Daerah dan Quarters" di tapak yang sama.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Datuk Speaker, soalan kedua.

2. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperbesarkan titi di persimpangan Jalan Permatang Binjai dari Jalan Besar Butterworth ke Kepala Batas kerana ianya terlalu sempit dan kemalangan selalu berlaku.
- (2. Does the Government plan to widen the bridge at the junction of Jalan Permatang Binjai from Jalan Besar, Butterworth to Kepala Batas as it is too narrow and accidents often occur?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, bahagian jalan Persekutuan di bawah rujukan ini adalah termasuk di bawah satu Kajian Kemungkinan Jalan I yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kajian Kemungkinan tersebut telah siap akan tetapi kerana East-West Highway akan siap tidak lama lagi, keputusan untuk memperelokkan jalan-jalan dan parit-parit yang terlibat oleh kajian tersebut telah ditangguhkan sehingga satu kajian keseluruhan atas "Dispersal of Traffic of the East-West Highway" bersama-sama dengan Kajian Kemungkinan Jalan I.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak): Datuk Speaker, soalan ketiga.

3. Bolehkah Tuan Mufti sebagai Ketua Ugama Yang Tertinggi dalam sesebuah negeri diberi tempat duduk yang setimpal dengan kedudukannya di Majlis-majlis jamuan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga sambutan-sambutan hari kebesaran?
- (3. Can the Tuan Mufti who is the Head of the Muslim religion of the State be given a proper seat, befitting his status at all State functions?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Tuan Speaker, kedudukan Mufti dalam Ne-

geri Pulau Pinang, walau Mufti di mana-mana negeri juga memangnya ada; maka dalam Negeri Pulau Pinang ini adalah diiktiraf sebagai pegawai tertinggi dalam hal-ehwal Ugama, maka telahpun disenaraikan dalam hal-ehwal Ugama, maka telahpun disenaraikan dalam nama-nama orang-orang kenamaan dan diletak di tempat yang sesuai. Tidaklah Kerajaan Negeri mengabaikan kedudukan Mufti itu.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak):
Terimakasih.

(III) Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh) bertanya kepada Ketua Menteri:

Soalan pertama, Datuk Speaker.

1. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan taliair besar di Kawasan Kampong Telok Mak Nan Permatang Bendahari, Mukim 1 yang mana terdapat kira-kira seratus ekar tanah yang boleh dijadikan sawah?
- (1. Does the Government plan to implement an irrigation project in the area of Kampong Telok Mak Nan Permatang Bendahari, Mukim 1 in which approximately a hundred acres of land can be converted into padi land?)

Ketua Menteri: Datuk Speaker, Kerajaan Negeri sedar akan kawasan tanah yang terhad bagi tanaman padi. Pada masa sekarang kawasan yang berjumlah seluas 41,400 ekar yang ditanam dengan padi sebanyak 35,955 ekar dari jumlah ini ditanam dengan tanaman padi dua kali setahun. Kerajaan Negeri telah dinasihatkan bahawa adalah lebih ekonomi menyediakan kemudahan-kemudahan pengairan yang lebih intensif untuk menambahkan hasil dari purata 500 gantang hingga 600 gantang padi seekar dalam satu musim dengan tujuan mencapai tanaman padi lima kali dalam dua tahun atau tanaman-tanaman jualan di antara dua musim padi di dalam setahun. Ini dijangka akan memberi faedah tambahan sebanyak \$200 hingga \$250 seekar atas kos pembiraan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan pengairan dan saliran sebanyak \$400 seekar, yangmana akan berharga sebanyak \$2,000 seekar untuk memulihkan kawasan se-

luas 100 ekar di Kampong Telok Mak Nan.

Berhubung dengan perkara yang membangkitkan oleh Y.B. Ahli dari Penaga, Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian ke atas faktor-faktor seperti ekonomi yang dapat dihidupkan, keutamaan dan penanaman modal dibandingkan dengan kegunaan tanah yang lebih ekonomik.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak mempunyai apa-apa rancangan segera untuk memulihkan kawasan ini bagi tanaman padi seperti yang dicadangkan oleh Y.B. dari Kawasan Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Tuan Speaker, soalan kedua (a) dan (b).

2. (a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi keadaan jalan-jalanraya Negeri yang terlalu sempit dan berlopak seperti jalan-jalan dari Titi Mukim ke Permatang Bendahari dan dari Permatang Tok Labu ke Lahar Minyak?
- (b) Bilakah jambatan konkrit akan dibina untuk menggantikan titi kayu yang ada sekarang di Pengkalan Bongor yang menyeberangi taliair ke jalan P.B.A.?
- (2. (a) What steps has the Government taken to improve the State roads which are narrow and full of pot-holes as the road from Titi Mukim to Permatang Bendahari and the road from Permatang Tok Labu to Lahar Minyak?
- (b) When will a concrete bridge be built to replace the existing wooden bridge across the irrigation canal from Pengkalan Bongor to jalan P.B.A.?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya akan jawab soalan (a) dan (b) sekali gus.

Rancangan untuk memperelokkan jalan-jalan Negeri yang sempit dan dalam keadaan buruk adalah dijalankan tiap-tiap tahun secara keutamaan bergantung kepada adanya peruntukan.

Anggaran untuk meluaskan Jalan Titi Mukim di Permatang Bendahari dan penggantian titi kayu di Pengkalan Bongor telah disediakan. Kerja atas kedua-dua projek ini akan dimulakan apabila peruntukan ada.

Rancangan untuk meluaskan Permatang Tok Labu/Lahar Minyak akan disediakan pada masa hadapan apabila kerja-kerja memperelokkan jalan keutamaan yang lain seperti kerja-kerja tersebut di atas telah siap.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan ketiga.

3. Bolehkah Kerajaan, dengan segera mengadakan zebra-crossing untuk kegunaan penuntut-penuntut Sekolah St. Marks dan Sekolah Datuk Onn, Bagan Ajam yang lebih dari tiga ribu orang dan juga bagi orang awam?
- (3. Can the Government put up a zebra-crossing immediately for the use of pupils from Sekolah St. Marks and Sekolah Datuk Onn, Bagan Ajam, who number more than three thousand and also for the use of the public?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, untuk menjawab soalan ketiga, Kerajaan telah menguntukkan jumlah sebanyak \$12,000 untuk pembinaan satu tempat melintas orang-orang berjalan kaki di Bagan Ajam, Seberang Perai. Pembinaan tempat melintas orang-orang berjalan melintas orang-orang berjalan kaki itu akan bermula sebaik sahaja kelengkapan-kelengkapan bagi lampu isyarat lalu lintas yang dipesan telah tiba.

(IV) Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee) bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan pertama, (a), (b), (c), (d) dan (e).

1. (a) Berapa ekor binatang ternakan (livestock) telah dibahagikan oleh Kerajaan Negeri di bawah sekim Pawah seperti berikut untuk tahun 1973, 1974, 1975 dan 1976:
 - (i) babi
 - (ii) ayam/itik
 - (iii) lembu
 - (iv) kerbau
 - (v) kambing
- (b) Apakah perbelanjaannya bagi pembahagian itu untuk setiap jenis binatang tersebut tiap-tiap tahun?
- (c) Tempat mana dan jangka waktu bila setiap pembahagian itu diadakan?

(d) Bagaimanakah seseorang dapat melayakkan diri untuk menikmati faedah daripada Sekim Pawah itu?

(e) Adakah Kerajaan terus menjalankan Sekim itu?

- (1. (a) How much livestock have been distributed by the State Government under the Pawah Scheme for the year 1973, 1974, 1975, and 1976 for each of the following:
 - (i) pigs
 - (ii) poultry
 - (iii) cattle
 - (iv) buffaloes
 - (v) goat
- (b) What is the expenditure incurred for each type of livestock distributed during the above years?
- (c) When and where were the distributions made?
- (d) How does one qualify for the Pawah Scheme?
- (e) Does the Government intend to continue the Scheme?

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Speaker, jawapan saya ialah, banyak binatang ternakan yang telah dibahagikan oleh Kerajaan Negeri di bawah Sekim Pawah bagi tahun-tahun 1973, 1974, 1975 dan 1976 adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975	1976
Babi ...	12	56	170	145
Lembu ...	—	60	60	15
Kerbau ...	—	—	—	20
Kambing ...	—	—	—	250

Ayam-itek tidak termasuk di dalam Sekim Pawah.

Berkaitan soalan (b), jawapan saya ialah, perbelanjaan bagi setiap jenis binatang yang dibahagikan tiap-tiap tahun adalah seperti berikut:

	1973	1974	1975	1976
Babi \$2,000	\$11,200	\$34,000	\$29,000	
Lembu —	\$17,285	\$21,000	\$20,000	
Kerbau —	—	—	\$12,000	
Kambing —	—	—	\$12,500	

Berkaitan (c) pembahagian binatang-binatang ternakan biasanya dijalankan di daerah masing-masing di Pejabat Haiwan. Masa dan tarikh pembahagian ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemberian Ternakan Daerah.

Bagi soalan (d) seseorang hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut untuk melayakkan diri di bawah Sekim Pawah:

- (i) Pemegang Sijil Kewarganegaraan Negara.

- (ii) Petani-petani yang berpendapatan rendah.
- (iii) Berkebolehan untuk menjaga binatang-binatang ternakan.
- (iv) Mendiami di kawasan yang sesuai untuk pemeliharaan binatang-binatang ternakan yang tertentu.

Berkenaan soalan (e), ya.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee): Datuk Speaker, soalan kedua.

2. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Pihak Berkuasa Negeri terhadap kilang serbukikan di Bukit Minyak, Bukit Mertajam yang masih terus dijalankan pada masa sekarang walaupun lesennya telah ditarik balik oleh L.P.K.T., Seberang Perai?
- (2. What action will the State Authority take against the fish feed-mill factory at Bukit Minyak, Bukit Mertajam which is still in operation in spite of the fact that its licence has been withdrawn by the L.P.K.T., Seberang Perai?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saman-saman telah dikemukakan pada 15.10.76 kepada Mahkamah Bukit Mertajam tetapi tarikh pembicaraan masih belum dite'apkan. Sementara itu, contoh-contoh makanan ternakan telah dihantar kepada Ahli Kimia Kanan Kerajaan bagi pencerakinan dan lapuran. Merinyu Kesihatan Awam Kanan, Bukit Mertajam telah diarah supaya menjalankan pengambilan contoh-contoh udara dengan bantuan Ahli Kimia Kanan Kerajaan bagi memastikan kandungan pencemaran jika ada.

(V) Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh) bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan pertama.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah Kerajaan bercadang hendak membina jalan-jalan seperti berikut di bawah ini:
 - (a) Jalan Trans Krian
 - (b) Jalan Victoria (Nibong Tebal)
- (1. Can the Honourable Chief Minister inform this House when will the Government construct the following roads:
 - (a) Jalan Trans Krian
 - (b) Jalan Victoria (Nibong Tebal)?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, untuk menjawab (a), projek jalan luar bandar ini iaitu Jalan Kampong To' Mahat Ladang Trans Krian telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam tahun 1976. Pejabat Daerah di Nibong Tebal sedang mengambil tindakan untuk mengambil alih tanah bagi jalan yang dicadangkan itu. Projek jalan ini dijadualkan siap pada tahun 1979.

Untuk menjawab (b), tiada peruntukan untuk pembinaan projek jalan luar bandar ini iaitu Jalan Gharry Kuchi—Kebun Victory—Kepala Batas.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Speaker, soalan kedua.

2. (a) Adakah Kerajaan sedar bahawa timbulnya kesulitan rakyat dan peniaga-peniaga di Nibong Tebal apabila Pejabat Daerah dipindahkan ke Pejabat baru kelak?
- (b) Jika sekiranya sedar, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya Pekan Nibong Tebal tidak akan menjadi pekan mati?
- (2. (a) Is the Government aware that the people and petty traders in Nibong Tebal will face difficulties when the District Office is moved to the new office?
- (b) If so, can the Honourable Chief Minister inform this House what steps will be taken to ensure that Nibong Tebal Town does not stagnate?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Kerajaan tidak sedar bahawa penduduk-penduduk dan peniaga-peniaga kecil di Nibong Tebal akan menghadapi kesulitan-kesulitan apabila Pejabat Daerah dipindahkan ke tapak yang baru. Tapak baru, yang terletak di tengah-tengah Sungai Bakap dan Nibong Tebal, telah dipilih setelah perbincangan-perbincangan yang teliti.

Dan jawapan soalan 2 (b), pemin-dahan Pejabat Daerah ke tapak baru tidak akan menjadikannya sebagai pekan mati kerana Kerajaan akan selalu menggiatkan lagi usahanya dalam memajukan kegiatan-kegiatan sosial, ekonomi dan pentadbiran di sana.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Speaker, soalan ketiga.

3. Memandangkan bahawa bertambahnya penduduk-penduduk Nibong Tebal, maka sudah tentu keadaan dan kedudukan pasar awam Nibong Tebal yang ada sekarang tidak lagi begitu selesai, adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah pasar baru?
- (3. In view of the increase in the population of Nibong Tebal and the fact that the existing market in Nibong Tebal will no longer be suitable, does the Government propose to build a new market?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tidak ada peruntukan untuk sebuah pasar baru di Nibong Tebal pada masa sekarang oleh kerana difikirkan bahawa pasar yang ada sekarang adalah mencukupi untuk memenuhi kehendak-kehendak di kawasan ini. Tetapi masa-alah ini mesti dikaji dan dipertimbang.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Soalan keempat (a) (b), Datuk Speaker.

4. (a) Adakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan kompleks (gerai-gerai) bagi memberikan peluang-peluang perniagaan kepada Bumiputra?
- (b) Jika sekiranya ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:
 - (i) Nama tempat-tempat bagi tiap-tiap Daerah.
 - Bilakah tarikh pelaksanaannya?
 - (ii) Berapa unit dan anggaran (kos perbelanjaan).
- (4. (a) Does the Government intend to build a complex (stalls) to provide business opportunities to Bumiputra?
- (b) If so, can the Honourable Chief Minister inform this House:
 - (i) The sites in each District. When will it be implemented?
 - (ii) How many units and what is the estimated cost)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Kerajaan sedar akan keperluan mengadakan gerai-gerai untuk membantu penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil untuk berniaga, terutama sekali kaum Bumiputra. Buat masa ini Kerajaan sedang berkerja rapat dengan Kerajaan Persekutuan dan agensi Ke-

rajaan Persekutuan seperti UDA untuk melaksanakan projek-projek yang ditujukan khas bagi memenuhi keperluan kaum Bumiputra supaya berpeluang untuk berniaga. Dan sesungguhnya Kerajaan Negeri sedang berbincang masalah ini untuk tindakan yang lebih sesuai dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan dengan agensi-agensi serupa P.D.C.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Speaker soalan kelima.

5. Memandangkan usaha-usaha untuk mengutip balik hutang terhadap penghuni-penghuni rumah murah adalah amat sulit sekali, tidakkah Kerajaan bercadang untuk membentuk sebuah badan bebas (Badan Perumahan)?
- (5. In view of the difficulties to collect arrears of rent from the occupants of low-cost houses, does the Government intend to set up an independent body (Housing Corporation)?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedang menimbang untuk menubuhkan satu Pihak Berkuasa Perumahan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Tuan Speaker, soalan keenam.

6. Adakah Kerajaan sedar bahawa usaha memperoses permohonan lesen lesen T.O.L. memakan masa di antara satu hingga dua tahun lebih? Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini akan sebab-sebabnya?
- (6. Is the Government aware that the processing of T.O.L. applications takes one to two years? Can the Honourable Chief Minister inform this House the reasons for this?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, memang benar permohonan Lesen Tumpangan Sementara ada yang memakan masa di antara satu hingga dua tahun. Sebabnya ialah Pejabat Tanah yang menerima permohonan untuk Lesen Tumpangan Sementara terpaksa merujukkan tiap-tiap permohonan kepada Jabatan-jabatan seperti L.P.K.T., Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Perancang Negeri, Jabatan Perikanan, Jabatan Kawasan Bukit, Jabatan Penilaian dan berbagai Jabatan lain. Proses ini memakan masa, jika tidak per-

timbangan untuk kelulusan tidak dapat dibuat dengan seadil-adilnya, baik dari segi permohonan mahupun di segi kepentingan awam. Selepas itu permohonan tersebut dibincangkan di Jawatankuasa Tanah dan kemudiannya kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk pertimbangan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Speaker, soalan ketujuh.

7. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pengusaha-pengusaha secara haram atas tanah Kerajaan di kawasan Juru, Bukit Mertajam?
- (7. What steps have been taken by the Government to resolve the problem of illegal cultivators on State land in Juru, Bukit Mertajam?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, apabila didapati bahawa sebilangan besar daripada peneroka adalah orang-orang miskin, maka Kerajaan Negeri di atas perikemanusiaan tidak mengambil langkah undang-undang terhadap mereka tetapi hanya mengeluarkan notis untuk menasihatkan mereka keluar setelah mereka memungut tanaman mereka.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Soalan kelapan.

8. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen-lesen T.O.L. kepada semua peneroka yang terlibat dari kawasan Bukit Tambun, Batu Kawan dan Juru?
- (8. Does the Government intend to issue T.O.L. licences to all cultivators (peneroka) in the areas of Bukit Tambun, Batu Kawan and Juru?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tidak.

VI. Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How) bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan yang pertama.

1. Dalam Rancangan Malaysia Ke 3, adakah projek untuk membina Jambatan Penang—Seberang Perai termasuk di dalam Rancangan itu? Kalau ada, berapakah jumlah peruntukan bagi projek ini? Adakah Kerajaan Negeri mengambil bahagian membantu pelaksanaan projek ini?

- (1. Is the Penang-Province Wellesley Bridge Project included in the 3rd Malaysia Plan? If so, what is the allocation for the project? Will the State Government be participating in the implementation of the project?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, jumlah sebanyak sepuluh juta ringgit telah diuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk penyiasatan Kejuruteraan yang telah lanjut dan rekabentuk "Jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Tanah Semenanjung". Kerajaan Persekutuan telah ber-setuju atas perlantikan sebuah firma kumpulan perunding antarabangsa yang mengandungi firma Amerika Syarikat iaitu Howard Needles Tamman & Bergendoff Intl. Inc. dan firma-firma tempatan iaitu Jurutera Konsultant (S.E.A.) Sdn. Bhd., Yong and Mohd. Faiz Sdn. Bhd., Kumpulan Akitek Sdn. Bhd. dan Valdun Associates Sdn. Bhd. untuk menjalankan penyiasatan kejuruteraan yang lanjut, rekabentuk dan penyeliaan pembinaan Jambatan Pulau Pinang dengan Tanah Semenanjung. Mengikut jadual penyiasatan, rekabentuk dan panggilan tawaran-tawaran yang perlu akan disiapkan pada tahun 1980. Pembinaan jambatan yang sebenarnya akan mengambil masa lebih-kurang empat tahun, Kerajaan Negeri diwakili dalam Jawatankuasa Jambatan yang menghubungi Pulau Pinang dengan Tanah Semenanjung dan juga dalam syarikat yang akan ditubuh untuk memungut peruntukan bagi projek Jambatan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan: Saya mahu dapat tahu Pejabat Tanah Persekutuan atau di Pulau Pinang bagi engineers, konsultant, akitek dan lain-lain membuat kerja bagi jambatan atau titi itu. Adakah satu jabatan dalam Negeri kita untuk membuat kerja bagi titi ini?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya telah pun menjawab soalan ini dengan dalam sekali.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan kedua.

2. Adakah projek pembinaan Jalan Bukit Bendera termasuk di dalam R.M. 32 Kalau ada berapakah jumlah peruntukan untuk projek ini?
- (2. Is the Penang Hill Road project included in the 3rd Malaysia Plan? If so, what is the allocation provided for the project?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tidak.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan ketiga.

3. Dalam R.M. 3, adakah "Free Trade Area" termasuk di dalam rancangan itu untuk Pulau Pinang? Kalau ada, berapakah jumlah peruntukan untuk projek ini dan samada Kerajaan telah menimbang mana-mana tempat sebagai tapak untuk projek ini?
- (3. Is the "Free Trade Area" included in the 3rd Malaysia Plan for Penang? If so what is the total allocation for this project and whether the Government has considered any sites for the project?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tidak.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan keempat, Datuk Speaker.

4. Dalam R.M. 3, berapakah jumlah peruntukan untuk perlaksanaan rancangan perumahan kepada kumpulan berpendapatan rendah? Bagaimanakah Kerajaan merancang untuk membelanjakan wang itu di beberapa kawasan, iaitu Bandaraya George Town, Luar Bandar Pulau Pinang, Kawasan Utara, Tengah dan Selatan Seberang Perai?
- (4. In the 3rd Malaysia Plan, what is the total allocation for housing schemes for the lower income group? How does the Government intend to apportion the allocation to the various areas i.e. the city of George Town, the rural areas of Penang, Province Wellesley North, Central and South?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Tuan Speaker, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan kepada Kerajaan Negeri sejumlah \$34.442 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Sekim-sekim perumahan bagi kumpulan yang berpendapatan rendah yang telah diluluskan di bawah R.M. 3 akan dilaksanakan di tapak-tapak yang tersebut di bawah:

- (i) Bukit Glugor D.T.L.
- (ii) Batu Lancang Road, D.T.L.

- (iii) Bagan Ajam I, Butterworth
- (iv) Bagan Ajam II, Butterworth
- (v) Kg. Baru Alma, Bukit Mertajam
- (vi) Kg. Tebu, Nibong Tebal
- (vii) Telok Kumbar, Balik Pulau
- (viii) Relau, Balik Pulau
- (ix) Lain-lain (termasuk projek yang disambung dari Rancangan Malaysia Kedua):

- (a) Kg. Melayu, Peringkat IV
- (b) Taman Free School
- (c) Kuala Muda.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker, saya mahu minta Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam, saya ada dapat tahu ada 2 peringkat bagi Bagan Ajam. Bilakah kerja-kerja bagi peringkat pertama bagi Bagan Ajam boleh *start work*.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Soalan tambahan itu, Tuan Speaker, saya ingat ada ditanya dalam soalan yang keenam, tapi Yang Berhormat dari Bagan Ajam (*gangguan*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bukan Bagan Ajam, Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Ya, Ahli Kawasan Bagan Jermal sudah tanya soalan kelima. Kita tunggu sampai soalan 5, saya boleh menjawabnya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Datuk Speaker, soalan kelima.

5. Adakah Kerajaan telah selesaikan "Comprehensive Plan" untuk perlaksanaan rancangan perumahan kepada kumpulan berpendapatan kecil di Pulau Pinang dan kalau ada, bolehkah Kerajaan terangkan Plan itu?
- (5. Has the Government completed the Comprehensive Plan for implementation of housing programmes for the lower income group in Penang and if so, can the Government provide more details of the Plan?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Tuan Speaker, semua sekim-sekim perumahan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi kumpulan berpendapatan rendah telahpun dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker. Bolehkah lempiran ini di *cyclostyle* dan *circulate* bagi semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Boleh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Soalan keenam, Datuk Speaker.

6. Adakah jenis-jenis rumah yang ditunjukkan di Seberang Jaya sama dengan rumah-rumah yang akan dibina oleh Kerajaan di beberapa tempat di Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga? Kalau sama, apakah harga untuk tiap-tiap jenis rumah itu? Adakah Kerajaan menimbang untuk berkongsi dengan pihak swasta untuk membina rumah-rumah itu?
- (6. Will the types of houses to be built by the Government in Penang under the 3rd Malaysia Plan be similar to the types of model houses as exhibited in Seberang Jaya? If so, what is the cost per unit? Does the Government intend to go into joint-venture with the private sector in building these houses?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Ya. Adalah dijangka bahawa kos rumah yang sejenis itu tidak akan melebihi \$4,000, \$10,000 dan \$15,000 mengikut jenis atau average kos \$6,000 bagi tiap-tiap satu yunit tidak termasuk kos tanah dan lain-lain perkhidmatan infra-struktur. Buat masa ini tidak ada apa-apa cadangan untuk berkongsi secara usaha bersama dengan mana-mana syarikat swasta untuk membina rumah-rumah itu. Tetapi masalah ini selalu dikaji oleh Kerajaan Negeri dan yangmana boleh, bila Kerajaan Negeri ingat Kerajaan Negeri mesti menolong dengan rakyat kita di pihak pendapatan rendah perkara ini boleh diambil keputusan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang di-Pertua, inilah satu soalan tambahan saya mahu tanya tadi tetapi saya sekarang mahu tanya di sini. Macam rumah itu yang empat *types of rumah*, bolehkah ini dibuat di dalam peringkat satu dan dua di dalam Bagan Ajam? Dan bilakah ini boleh dibuat?

Ketua Menteri: Datuk Speaker, sungguhpun ini soalan tambahan yang tidak bersangkut dengan soalan yang asas tetapi Kerajaan Negeri adalah bertujuan hendak membina rumah-rumah serupa ini di mana-mana tempat di dalam Negeri Pulau Pinang yang masuk tempat-tempat ini yang jika perlu selepas siasatan yang sesuai barangkalipun di dalam Bagan Ajam, tetapi saya haraplah Yang Berhormat daripada Kawasan Bagan Jermal mesti ikut Negeri Pulau Pinang, bukan saja Bagan Ajam.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan ketujuh.

7. Untuk menambah bilangan rumah bagi kumpulan berpendapatan rendah, adakah Kerajaan menimbang memberi sebahagian tanah Kerajaan Negeri kepada pemaju swasta dengan syarat khas untuk membina rumah-rumah dengan harga yang rakyat berpendapatan rendah sanggup membeli?
- (7. To increase the units of housing for the lower income group, does the Government plan to provide State land to private developers to build low-cost houses on condition that the price per unit is low enough for the lower income group to take up?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Tuan Speaker, Kerajaan masih menimbang atas sesuatu dasar sedemikian. Akan tetapi, sekiranya, permintaan dibuat oleh sektor swasta, pertimbangan akan diberi atas cadangan itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan Datuk Speaker, Bolehkah saya bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris?

Is the Honourable Member aware that a private developer in Prai has asked people to apply or has stated that there is a State land allocated to them and has asked for registration or applications for the land. Namanya ialah Tat Tang Contractors. Sebab itu beribu-ribu orang telah pergi ke sana untuk *register* tanah dan bertanyakan bila rancangan itu boleh didapati? Adakah Y.B. dari Ayer Itam aware that there is such a thing?

Tuan Speaker: Itu soalan lain, saya tidak benarkan di sini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kelapan, Datuk Speaker.

8. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga adakah Kerajaan menyediakan Pelan Induk (Master Plan) untuk memajukan dua buah bandar iaitu Seberang Jaya dan Bayan Baru? Kalau ada, samada Kerajaan Persekutuan memberi apa-apa bantuan kewangan kepada kemajuan itu?
- (8. In the 3rd Malaysia Plan, has the Government prepared the Master Plan to develop the two townships i.e. Seberang Jaya and Bayan Baru? If so, will the Federal Government provide any financial aid?)

Ketua Menteri: Pelan-pelan Induk atau Master Plans bagi Bandar Bayan Baru dan Bandar Seberang Jaya akan disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Bantuan kewangan yang diberi oleh Kerajaan Pusat adalah merupakan pinjaman-pinjaman bagi pembangunan kedua-dua bandar tersebut.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kesembilan, Datuk Speaker.

9. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, adakah Kerajaan Persekutuan memberi apa-apa bantuan kewangan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk kemajuan perusahaan, dan kalau ada, berapakah jumlah bantuannya?
- (9. In the 3rd Malaysia Plan, will the Federal Government provide any financial assistance to P.D.C. for industrial development and if so what is the quantum that will be provided?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, \$3.2 juta telah diperuntukkan untuk kemajuan perusahaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan kesepuluh.

10. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, berapakah jumlah peruntukan bagi pembinaan sekolah baru di Pulau Pinang dan berapakah jumlah peruntukan bagi membina Sekolah Jenis Kebangsaan?
- (10. In the 3rd Malaysia Plan, what is the total allocation for the construc-

tion of new schools in Penang and the total allocation for National-Type Schools?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, setakat ini hanya sebuah sekolah menengah baru (Sekolah Menengah Perai) telah diluluskan untuk pembinaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kos dianggarkan sebanyak \$450,000.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan: Adakah *allocation* bagi National-Type Schools?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, itu pun saya telah menjawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan kesebelas.

11. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, berapakah jumlah peruntukan bagi membina Balai Rakyat di beberapa kawasan di Pulau Pinang? Berapa buah Balai Rakyat akan dibina di bawah Rancangan ini di Pulau Pinang?
- (11. What is the total allocation for the construction of Community Halls in Penang in the 3rd Malaysia Plan?)

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Tuan Speaker, projek-projek pembinaan Balai Rakyat adalah di biyai daripada Kumpulan Wang Perkhidmatan dan Kebajikan Masyarakat. Oleh kerana yang demikian ianya tidak dimasukkan di bawah Belanjaan Pembangunan Rancangan Malaysia yang Ketiga.

Pembinaan Balai-balai Rakyat di bawah Kumpulanwang tersebut bergantung kepada kedudukan kewangannya

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan keduabelas.

12. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, adakah Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan kepada Kerajaan Negeri bagi memajukan kampung-kampung dan luarbandar di Negeri kita? Kalau ada, berapakah jumlah peruntukannya?
- (12. In the Third Malaysia Plan, is there any allocation from the Federal Government to the State Government for the development of kampungs and rural areas in our State? If so, what is the total allocation?)

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah): Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang kedubelas oleh Y.B. Encik Ong Yi How, keseluruhan Rancangan Malaysia yang Ketiga bagi Negeri Pulau Pinang ini yang berjumlah sebanyak \$894.286 juta adalah secara langsung ataupun tidak langsung memberikan kemudahan-kemudahan di kampung-kampung dan luarbandar di dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Secara khususnya ataupun secara khasnya yang telah diambil di antara peruntukan-peruntukan secara langsung untuk pembangunan luarbandar adalah seperti berikut:

	juta
Pertanian dan luarbandar	\$49.164
MARDEC	16.230
Jalan luarbandar	14.222
Letrik luarbandar	0.900
Kesihatan luarbandar	0.922
Perumahan kos rendah	34.442
Dan Kemajuan Masyarakat ada sebanyak	0.164
Jumlahnya	<u>\$116.044</u>

Ahli Yang Berhormat harus faham dan mengerti bahawa matlamat Rancangan Malaysia yang Ketiga bagi Negeri Pulau Pinang ini adalah menggalakkan usaha perbandaran desa dan perindustrian di luarbandar. Oleh yang demikian lain-lain peruntukan yang tidak disebutkan di atas, sebenarnya adalah juga untuk faedah-faedah bagi kawasan-kawasan di luarbandar. Ini adalah pertimbangan yang sememangnya ada yang akan dilaksanakan dari masa ke semasa. Bukanlah dapat dilaksanakan sesuatu dalam masa yang paling singkat. Tidak ada manusia yang boleh melaksanakan sesuatu itu begitu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan ketigabelas.

13. Di bawah R.M. 3, adakah peruntukan bagi pembinaan hospital dan klinik baru untuk Negeri kita? Kalau ada, berapakah jumlah peruntukannya? Adakah peruntukan untuk membina hospital baru di Seberang Jaya di bawah R.M. 3?

(13. Is there any provision for the construction of new hospitals and clinics for our State in the Third

Malaysia Plan? If so, what is the total allocation? Is there provision for a new hospital in Seberang Jaya in the Plan?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, satu peruntukan sebanyak \$1,758,000 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi pembinaan Hospital dan Klinik baru di Negeri ini. Dalam peruntukan itu, termasuk satu cadangan untuk membina sebuah hospital daerah baru di Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Datuk Speaker, soalan keempatbelas.

14. Di bawah R.M. 3, adakah Kerajaan merancang untuk membina sebuah "Sports Complex" di Seberang Jaya atau di tempat lain di Seberang Perai?

(14. In the Third Malaysia Plan, does the Government plan to build a "Sports Complex" in Seberang Jaya or in other places in Province Wellesley?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai akan menyediakan satu taman awam di Seberang Jaya. Taman awam ini termasuk padang-padang permainan dan berbagai-bagai kemudahan rekreasi seperti tempat memancing. Taman awam di Seberang Jaya akan meliputi kawasan kira-kira seluas 100 ekar.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan: Bilakah kerja-kerja projek itu boleh *begin*?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, projek ini telahpun dijalankan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Datuk Speaker, soalan kelimabelas.

15. Di bawah R.M. 3, adakah Kerajaan merancang untuk membina sebuah "Indoor Stadium" di Pulau Pinang? Kalau ada, berapakah jumlah peruntukan untuk projek ini?

(15. In the 3rd Malaysia Plan, has the Government any plans to construct an Indoor Stadium in Penang? If so, what is the provision for this project?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Tidak.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan keenambelas.

16. Di bawah R.M. 3, adakah apa-apa peruntukan bagi projek 'Land Reclamation' untuk Negeri kita?
- (16. Are there any provisions for Land Reclamation projects in the 3rd Malaysia Plan for our State?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Jabatan Parit dan Taliair telah diberi peruntukan sebanyak \$80,000 bagi tahun 1976 dan \$20,000 bagi tahun depan (1977) untuk memulihkan tanah paya di kawasan Pantai Acheh, Balik Pulau, yang melebihi paras rendah, air pasang-surut biasa. Kawasan seluas 200 ekar akan dipulihkan di dalam tahun 1976 dan 10 ekar di dalam tahun 1977 sebagai tambahan kepada 90 ekar yang telahpun dipulihkan di dalam tahun 1975 di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan: Adakah projek-projek macam itu di Bandar Seberang Perai pada tahun hadapan?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, projek itu tidak dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Datuk Speaker, soalan ketujuhbelas.

17. Adakah projek, 'Prai Barrage' termasuk di dalam R.M. 3? Kalau ada, berapakah jumlah peruntukannya?
- (17. Is the Prai Barrage projek included in the 3rd Malaysia Plan? If so, what is the total allocation?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, untuk menjawab soalan ketujuhbelas, Projek Ampangan Jajar Perai adalah termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan yang diluluskan ialah \$3.5 juta.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bilakah projek itu boleh start? Ada apa-apa plan Kerajaan untuk buat projek itu?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, projek itu akan dimulakan

apabila penempatan setinggan telah diselesaikan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Datuk Speaker, soalan kelapanbelas.

18. Sudahkah Peringkat 1-A Kompleks Tun Abdul Razak siap dan bilakah boleh didiami?
- (18. Is Phase 1A of the Tun Abdul Razak Complex completed and when can it be ready for occupation?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Kompleks Tun Abdul Razak, Peringkat 1-A telah siap dan dibuka untuk perniagaan pada 1hb Disember, 1976 yang baru-baru saja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan: Dua hari lalu saya ada pergi tengok ini Peringkat 1 di dalam Kompleks Tun Abdul Razak, tetapi saya ada dapat tahu soalan atau *problems* berkenaan meletak kereta banyak susah. Saya tidak dapat tempat taruh kereta supaya saya boleh pergi ke tempat ini. Apa *plan* Kerajaan ada bagi *provision of more car parks* bagi projek itu. Sekarang mahu meletak kereta pun susah.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, itu adalah soalan lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan kesembilanbelas.

19. Berapa Unit:

- (a) Rumah kedai
- (b) Pejabat
- (c) rumah tumpangan
- (d) lain-lain

dibina dalam peringkat 1-A dan berapa permohonan telah diterima untuk tiap-tiap jenis itu? Berapa unit dari jenis-jenis tersebut telah dijual dan berapa unit untuk sewa?

- (19. How many units of (a) shop houses; (b) offices; (c) houses (dwelling); (d) others; will be constructed under Phase 1A and how many applications have been received for each of the above types? How many units each of the above types have been sold and how many units are for rental?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, jumlah penghuni ruang di Kompleks Tun Abdul Razak Peringkat 1-A ialah 72. Di antaranya 62 adalah ruang kedai

dan yang 10 lagi pejabat. Jumlah permohonan-permohonan yang diterima oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Penang ialah 223.

		permohonan
(a) Permohonan	untuk	207
rumah kedai		
(b) Permohonan	untuk	16
ruang pejabat		
Jumlah	...	223

Pemecahan ruang-ruang yang telah diambil oleh penghuni ruang atas penjualan dan penyewaan adalah seperti berikut:

	Penjualan	Penyewa	Jumlah
(a) Ruang	51	11	62
Kedai			
(b) Ruang	7	3	10
Pejabat			
Jumlah	58	14	72

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan kedua puluh.

20. Sudahkah kerja pembinaan bagi Peringkat 1-B dimulakan? Kalau sudah, bagaimanakah kemajuan kerjanya? Adakah bangunan "tower" 60 tingkat sebahagian dari peringkat 1-B? Berapakah anggaran perbelanjaan untuk peringkat ini?
- (20. Has construction for Phase 1-B started? If so, what is its progress? Is the 60-storey tower block part of Phase 1-B? What is the estimated cost of this Phase?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, kerja-kerja piling bagi Peringkat 1-B sedang dijalankan. Peringkat 1-B termasuk podium 4 tingkat dan Blok menara. Anggaran kos pembangunan bagi peringkat 1-B adalah seperti berikut:

1B1	(Podium)	...	\$13.5 juta
1B2	(Tower)	...	\$87.1 juta
			\$100.6 juta

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Soalan kedua puluh satu, Tuan Speaker.

21. Berapa buah rumah yang ada sekarang akan terlibat bila kerja untuk peringkat 1-B dijalankan? Bagaimana Kerajaan merancang untuk menempatkan semula penyewa dan penyewa-penyewa kecil yang terlibat?

- (21. How many units of houses will be affected when work under Phase 1-B of the project begins? How does the Government intend to resettle the tenants and sub-tenants affected?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, peringkat 1-B kini dinamakan sebagai Peringkat 1-B (i). Terdapat hanya empat buah rumah dan dua buah gerai yang terlibat dalam peringkat ini. Penyewa-penyewa dan penyewa-penyewa kecil (sub-tenants) akan diminta keluar apabila tanah itu dikehendaki untuk pembangunan dan mereka akan diberi bayaran saguhati yang menasabah. Di samping itu, Kerajaan juga sedang menyediakan projek-projek untuk menempatkan semula mereka yang terlibat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, betulkah di tanah di pengkalan Street Ghaut akan dibina kedai-kedai dan gerai-gerai for the people affected under 1-B?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tapak di dalam Jalan Macallum ialah suatu tapak yang Kerajaan siasat dan kaji untuk pembangunan di hari depan dan plan-plan untuk pembinaan projek-projek baru telahpun mendapat sokongan dari Kerajaan Persekutuan dan \$2 juta telah dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan Negeri harapkan jika rancangan di Lebuhr Macallum telah siap dan penduduk-penduduk di tapak KOMTAR pun boleh dipertimbangkan untuk tapak itu tetapi masa sekarang Kerajaan Negeri berharap penduduk-penduduk di dalam tapak KOMTAR mestilah berdaftar dan berkerjasama dengan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Soalan kedua puluh dua, Tuan Speaker,

22. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan berkenaan dengan pembayaran sewa daripada penyewa dan penyewa-penyewa kecil yang rumah-rumah mereka telah diambil oleh Kerajaan untuk Kompleks Tun Abdul Razak?
- (22. What steps have the Government taken regarding the payment of rentals from tenants and sub-tenants)

whose houses have been acquired by the Government for the Tun Abdul Razak Complex?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, buat masa sekarang, Kerajaan Negeri sedang mengutip sewa atas kadar yang dibayar dahulu oleh penyewa-penyewa dan penyewa-penyewa kecil rumah-rumah di atas tanah yang diambil untuk Projek Kompleks Tun Abdul Razak. Mereka akan terus menandatangani Perjanjian-perjanjian Sewa bersama Kerajaan Negeri untuk mengesahkan pendudukan mereka di rumah-rumah sehingga suatu masa mereka dapat mencari tempat-tempat penginapan yang lain atau selepas mereka ditempatkan semula di tempat yang lain.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Tuan Speaker. Saya ada dapat tahu dalam bulan January tahun ini Kerajaan ada memberi surat-surat bagi penduduk-penduduk atau sub-tenants di rumah-rumah di Kompleks Tun Abdul Razak memberitahu wang sewa sub-tenants mahu bayar bagi chief tenants. Tetapi pada bulan Oktober, ada lagi satu surat Kerajaan kepada sub-tenants bagi 10 tahun sewa bagi semua bayar kepada Kerajaan. Macam itulah sekarang ada kesusahan sedikit between the sub-tenants and the chief tenants. Macam itu ada apa plan Kerajaan boleh selesaikan kesusahan between the two tenants?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, sunguhpun soalan ini soalan yang tidak bersangkutan terus dengan soalan yang asal tetapi saya ucapkan terimakasih kepada Yang Berhormat dari Bagan Jermal sebablah soalan tambahan bagi saya satu peluang berucap menjawab satu soalan yang penting di masa sekarang di Dewan ini. Sebab ini. Sebab itu, Tuan Speaker, saya minta izin mengambil sedikit masa bagi keterangan masalah ini.

Tapak KOMTAR ialah satu tapak tanah yang telah diambil oleh Kerajaan dan sebab itu masa sekarang tanggungjawab masalah ini ialah di dalam peringkat Pejabat Tanah dan Galian dan selepas tanah tapak ini

telah diambil oleh Kerajaan semua penduduk di dalam tapak KOMTAR telah menjadi setinggan di tapak Kerajaan Negeri. Sebab itu Kerajaan Negeri bercadangkan yang penduduk-penduduk di tempat ini baik didaftarkan di dalam Pejabat Tanah dan Galian menjadi penyewa rumah-rumah atau tempat-tempat dengan Kerajaan Negeri. Untuk tujuan ini dan untuk tujuan menukar peringkat setinggan menjadi orang-orang yang menyewa tapak-tapak dengan Kerajaan, Kerajaan Negeri meminta penduduk-penduduk itu menandatangani perjanjian-perjanjian sewa (direct tenancy) dengan Kerajaan. Sebab itu yang ada di masa dahulu di mana ada sub-tenants dan chief tenants dan lain-lain tidak perlu sebab penduduk-penduduk tapak itu menjadi seturusnya orang-orang yang menyewa tapak, rumah dan bilik seterusnya daripada Kerajaan Negeri. Tetapi apa yang Kerajaan Negeri mencadangkan pada bulan January ialah penduduk-penduduk di tempat-tempat itu tidaklah guna takut sebab apa yang mereka biasa bayar kepada tuan rumah dahulu atau chief tenants dahulu sekarang mereka bolehlah bayar sama-sama kepada Kerajaan Negeri jika mereka menjadi penyewa tapak-tapak daripada Kerajaan Negeri.

Itu satu perkara yang kita mesti terangkan sekali. Selepas semua orang-orang telah didaftar dengan Pejabat Tanah dan Galian dan telah membuat perjanjian sewa terus dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri bolehlah mengambil perhatian dan tindakan baru untuk orang-orang yang sekarang bukan setinggan tetapi orang yang menjadi penyewa di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri di atas keterangan soalan ini. Sekarang saya datang kepada soalan kedua puluh tiga.

23. Adalah pengetahuan am bahawa 30 atau 50 tahun dahulu penyewa kena membayar "tea money" kepada tuan rumah untuk mendapatkan rumah. Sekarang rumah-rumah mereka telah

dikosongkan oleh Kerajaan, adakah Kerajaan menimbang membayar balik "tea money" kepada penyewa-penyewa itu?

- (23. It is generally known that 30 to 50 years ago tenants had to pay "tea money" to landlords. Now that their houses have been acquired by the Government, will the Government consider paying back "tea money" to them?)

Ketua Menteri: Bayaran "tea money" atau "kopi money" atau lain-lain adalah satu pertimbangan yang tidak diuntukkan di dalam undang-undang. Sungguhpun ini satu masalah masyarakat yang kita ada di masa sekarang tetapi oleh sebab perkara ini tidak diperuntukkan di dalam undang-undang, Kerajaan sedia menimbangkan masalah mereka dan berasaskan usul-usul sesuatu kes, boleh menimbang membuat bayaran sagu hati kepada kes yang benar. Tetapi saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini mestilah faham sebab Kerajaan Negeri mestilah ambil tugas dan tanggungjawab apa-apa perkara di dalam Negeri yang berkaitan dengan undang-undang Kerajaan Negeri tidaklah boleh pertimbangkan masalah bayaran "tea money".

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih. Datuk Speaker, soalan kedua puluh empat.

24. Adakah tender baru untuk membina Peringkat 1-B atau peringkat ini dibina oleh pemborong yang sama yang membina peringkat 1-A?
- (4. Will there be a new tender for the construction of Phase 1-B or will Phase 1-B be constructed by the same contractor for Phase 1-A?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tender baru akan dipelawa untuk Peringkat 1-B.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan kedua puluh lima.

25. Sudahkah Kerajaan selesai mengkaji pembangunan di atas sekeping tanah Negeri di Macallum Street Ghaut? Kalau sudah, apakah rancangan Kerajaan untuk memajukan tanah ini dan samada tanah ini akan digunakan untuk menempatkan semula mereka-mereka yang terlibat oleh Kompleks Tun Abdul Razak?

- (25. Has the Government completed its study on the development of the piece of State land in Macallum Street Ghaut? If so, how does the Government intend to develop the land and whether that piece of land will be used to resettle those affected by the Tun Abdul Razak Complex?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, bagi pihak Kerajaan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah selesai menjalankan kajian mengenai cadangan pembangunan serta kajian kemungkinan kejuruteraan di tanah Negeri di Gat Lebu Macallum.

Kerajaan masih menimbangkan projek-projek yang akan dilaksanakan di tapak itu termasuk kemungkinan menempatkan semula mereka-mereka yang terlibat oleh Kompleks Tun Abdul Razak. Tetapi bagaimana saya tadi telah menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Bagan Jermal, projek-projek pembinaan baru dalam Gat Lebu Macallum sungguh satu projek pembaharuan bandar baru iaitu mestilah untuk semua rakyat di dalam Negeri Pulau Pinang. Tetapi penduduk-penduduk di dalam tapak Kompleks Tun Abdul Razak jikalau mereka telah mendaftar menjadi orang-orang penyewa tapak daripada Kerajaan Negeri dapatlah *priority* dipertimbangkan di hari depan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan pertimbangkan tempat itu bolehkah diadakan satu kompleks sendiri, bukan sahaja *resettlement* bagi penduduk-penduduk Kompleks Tun Abdul Razak. Bolehkah diadakan satu kompleks sendiri yang ada panggung wayang, kedai-kedai dan gerai-gerai. Bolehkah Kerajaan pertimbangkan soalan itu?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, rancangan untuk hari depan di dalam tapak Gat Lebu Macallum ialah satu Rancangan yang besar sekali dan rancangan itu satu rancangan pembaharuan bandar untuk semua rakyat tetapi oleh sebab projek ini memakan masa yang panjang adalah disesuaikan peringkat-peringkat yang dibina mestilah menolong dengan orang-orang yang

duduk di dalam tapak Kompleks Tun Abdul Razak yang ada sekarang. Dan tentulah Kerajaan Negeri bolehlah bertimbang berat orang-orang yang telah mendaftar dengan Kerajaan Negeri mendapat satu *priority* di dalam rancangan-rancangan baru bukan sahaja di dalam Gat Lebu Macallum tetapi juga di dalam apa-apa rancangan baru yang telah dibina oleh Kerajaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih, Datuk Speaker, soalan kedua puluh enam.

26. Sudahkah Kerajaan memanggil tender untuk memperbaiki Titi Timbul di Seberang Perai seperti diumumkan oleh Kerajaan di dalam Mesyuarat Dewan ini pada bulan Mei tahun ini? Kalau sudah, apakah sebabnya kerja memperbaiki titi ini ditangguhkan?

(26. Have tenders been called by the Government to repair the Pantoon Bridge in Seberang Perai as announced by the Government in this Assembly in May this year? If so, give reasons for the delay in repairing the bridge?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tawaran-tawaran untuk "Fabrication", pemasangan, ujian dan "commissioning" Titi Timbul baru dan "Bailey Bridge parts" atau komponen-komponen "Bailey Bridge" untuk membina semula Titi Timbul di Permatang Pauh, Seberang Perai, telah diberikan kepada pemborong-pemborong yang berjaya pada bulan November, 1976. Pembinaan semula Titi Timbul di jadual siap pada pertengahan tahun 1977.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih, Datuk Speaker, soalan kedua puluh tujuh.

27. Mengapakah pelaksanaan rancangan rumah murah di Bagan Ajam telah ditangguhkan? Apakah rancangan Kerajaan untuk menempatkan semula rumah-rumah haram yang terlibat dalam rancangan ini? Bilakah kerja untuk rancangan ini akan dimulakan dan berapakah peringkatnya?

(27. Why is there a delay in the implementation of the housing scheme in Bagan Ajam? What are the plans of the Government to resettle those squatters affected by this scheme? When will this project be started and in how many phases?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Rancangan ini melibatkan setinggan-setingan yang terletak di kawasan cadangan projek perumahan Bagan Ajam, Peringkat Pertama. Kerajaan Negeri sedang menimbang untuk mengambil tindakan bagi menempatkan semula setinggan-setinggan sebelum rancangan itu dilaksanakan. Adalah dijangka bahawa tawaran-tawaran bagi pembinaan rumah-rumah pangsa di dalam projek ini akan dipanggil pada awal tahun hadapan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih, Datuk Speaker, soalan ke dua puluh lapan.

28. Adakah Encik Lim Chong Keat masih diupah oleh Kerajaan Negeri atau Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Pulau Pinang sebagai penasihat untuk Rancangan Pembangunan Negeri dan Seksi Zon? Kalau ada, apakah kadar pembayaran yang dibayar kepada beliau atau syarikatnya Team Three?

(28. Is Mr. Lim Chong Keat still engaged by the State Government or the L.P.K.T., Penang as the adviser for State development programmes and interim zoning? If so, what is the rate of remuneration paid to him or his Company, Syarikat Team Three?)

Ketua Menteri: Datuk Speaker, Tidak. Datuk Speaker, soalan ini telah dibawa beberapa kali di dalam Dewan ini. Saya harap jawapan saya menutup soalan ini untuk hari depan juga. Architect Team Three telah dilantik oleh Majlis Bandaraya yang dahulu untuk bekerja bersama-sama dengan Jabatan Perancang Bandar dan Pembangunan sebagai penasihat perancangan dari bulan November, 1972 sehingga penghujung tahun 1973. Dan Lim Chong Keat ialah satu *partner* di dalam Architect Team Three. Salah satu daripada hasil perundingan ini ialah penyediaan dan penyiaran pelan perlindungan sementara bagi kawasan bandaraya di dalam tahun 1974. Kajian perancangan tidak boleh berada dalam tempoh korek dan dijalankan untuk beberapa waktu dan disiapkan dalam pertengahan tahun 1975 kecuali pengemukaan lapuran ringkas yang mana perunding-perunding masih

menyediakan. Sejak tempoh kontrak yang telah tamat pada penghujung tahun 1973 perunding-perunding telah menjalankan kajian atas perbelanjaan mereka sendiri dan mereka juga telah memberi perkhidmatan kakitangan iktisad mereka untuk taklimat-taklimat, mesyuarat-mesyuarat dan perundingan-perundingan kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih Datuk Speaker.

Soalan kedua puluh sembilan.

29. Sudahkah rancangan perumahan di Kampung Melayu diselesaikan dan bilakah ianya akan dibuka untuk permohonan?
- (29. Is the housing scheme in Kampung Melayu ready for occupation and when will applications (for occupation) be invited?)

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Tuan Speaker, pembinaan rumah-rumah pangsa blok kedua di Kampung Melayu Peringkat IV, Ayer Itam, dijangka siap dalam bulan Ogos tahun depan. Permohonan-permohonan hanya akan dibuka pada awal tahun depan—1977.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, bulan apa permohonan boleh diberi kepada orang ramai? Dengan izin: In which month will the applications be provided? Dalam bulan apa?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Itu pun saya ada jawab. Awal tahun depan lebihkurang. Kalau mahu kira ini, selepas bulan 3. Awal-awal means early next year.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Tuan Speaker, soalan ketiga puluh.

30. Sudahkah Penang Electronic Sdn. Bhd. memberhentikan operasinya? Kalau sudah, adakah P.D.C. bertujuan untuk menamatkan Syarikat itu?
- (30. Has the Penang Electronic Sdn. Bhd. stopped its operations? If so, does the P.D.C. intend to liquidate the company?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Penang Electronic Sdn. Bhd. telah memberhentikan operasinya pada 31hb Oktober, 1975. Beberapa jalan dan ikhtiar sedang dikaji untuk memulihkan operasi syarikat melalui usaha-bersama, persatuan, kontrak-kontrak kecil dan sebagainya dan atau untuk kegunaan bangunan kilang yang lebih berfaedah secara penyewaan.

Tindakan ini diambil untuk membenarkan syarikat menyusun semula operasinya samada melalui syarikat usaha-bersama baru yang akan ditubuhkan atau melalui apa-apa usaha bersama dengan pihak-pihak perkongsian tempatan atau luar negeri.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan ketigapuluh satu.

31. Apakah kerugian anggaran Penang Electronic Sdn. Bhd. sehingga tarikh ini atau 31-12-75?
- (31. What is the estimated loss of the Penang Electronic Sdn. Bhd. up till today or as at 31-12-75?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, sebetulnya Penang Electronic Sdn. Bhd. adalah satu Sendirian Berhad yang hidup, kita mesti faham sungguh masa sekarang masalah kewangan adalah yang kita panggil "in the red". Sebab itu kita mesti kata inilah *debit account* yang bukan *loss* berkumpulan PENEL atau Penang Electronic maka sekarang berjumlah sebanyak \$2,559,661 pada 31hb Disember, 1975.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, soalan ketigapuluh dua.

32. Benarkah Syarikat Malaysia Food Sdn. Bhd. masih dalam kesusahan pada masa ini? Kalau benar, apakah rancangan P.D.C. untuk mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh Syarikat ini supaya mencegahnya mengikut tapak Penang Electronic Sdn. Bhd.?
- (32. Is it true that Malaysia Food Sdn. Bhd. is still in difficulties? If it is true, what does the P.D.C. plan to do in order to overcome the difficulties faced by this Company in order to prevent it from following the fate of Penang Electronic Sdn. Bhd.?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, oleh kerana Malaysia Foods Sdn. Bhd.

baru memulakan pengeluaran. Syarikat ini terpaksa mengalami kesulitan-kesulitan biasa semasa tempoh pertumbuhan awaa yangmana ia perlu mengatasi berbagai-bagai masalah teknik berkenaan dengan pengeluaran.

Tidak ada apa-apa asas perbandingan di antara penubuhan cendawan dengan kopponen elektronik.

Salah satu daripada objektif Penang Electronic Sdn. Bhd. adalah untuk memajukan dan menggalakkan lagi penempatan perusahaan elektronik di Pulau Pinang. Dan di sini kita boleh katakan tujuan yang berjaya besar sekali.

Sementara Malaysia Foods Sdn. Bhd. telah mengadakan satu konsep baru dalam bidang agro-horticultural dan perindustrian, iaitu peredaran bahan-bahan sampingan (atau agro-horticultural and industrial recycling of by-products) yang diperolehi dari tanaman padi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan ketigapuluh tiga. Tadi Yang Amat Berhormat ada jawab bagi tigapuluh dua sahaja.

33. Berapakah elaun mesyuarat yang dibayar kepada ahli-ahli L.P.K.T. dalam Negeri kita dan adakah elaun lain dibayar kepada mereka?

(33. How much meeting allowances are paid to members fo the L.P.K.T. in our State and are there any other allowances paid to them?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tiap-tiap ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan hanya layak mendapat kemudahan-kemudahan seperti berikut:

(a) Elaun mesyuarat Lembaga sebanyak \$30.00 pada tiap-tiap mesyuarat.

(b) Elaun mesyuarat Jawatankuasa Lembaga sebanyak \$20.00 pada tiap-tiap mesyuarat

Jumlah maksima adalah tidak melebihi \$400.00 sebulan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, terima kasih. Soalan tigapuluh empat.

34. Berapakah cendawan (mushroom) mentah dan diisi dalam tin dikeluarkan pada tiap-tiap satu bulan

dalam tahun 1976 dan samada keluaran ini disambut baik dalam pasaran hari ini? Adakah rancangan untuk 'export' cendawan (mushroom) dalam tin ke pasaran luar negeri?

(34. What is the monthly production of fresh and tinned mushrooms for each of the months of 1976 and whether these mushrooms are well received by the public in the market today? Are there any plans to export tinned mushrooms to foreign markets?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, pengeluaran dalam tahun 1976 adalah seperti berikut:

Pengeluaran dalam tahun 1976 (mentah—paun)	Tin-tin dalam Kes (24×8 oz drain wt)
Januari	103,541 5,715
Februari	107,036 6,155
Mac	175,634 7,731
April	12,7338 5,565
Mei	114,565 4,873
Jun	146,835 6,648
Julai	111,481 4,854
Ogos	82,117 3,681
September	104,842 4,482
Oktober	104,883 4,658

Cendawan-cendawan yang diisikan dalam tin mendapat sambutan baik di pasaran Negara. Buat masa ini Syarikat sedang cuba memperkembangkan lagi pasaran Negara untuk cendawan-cendawan mentah.

Sehingga bulan Oktober, 1976, Syarikat telah mengeksportkan 11,000 kes (24×8 oz drain wt) dalam tin.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih, soalan ketigapuluh lima, Datuk Speaker.

35. Bilakah Kerajaan Negeri akan menerima Local Government Act (1976)? Adakah Kerajaan bertujuan untuk menerima sebahagian darinya atau ke semuanya?

(35. When does the State Government intend to adopt the Local Government Act (1976)? Does the Government intend to adopt part of the Act or wholly?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, Kerajaan akan memakai Akta tersebut tidak lama lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat bagi tahu approximately

bila boleh dijalankan Local Government Act—January, February atau March?

Ketua Menteri: Tidak lama lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan tambahan, Datuk Speaker. Jikalau Kerajaan Negeri adopt Local Government Act 1975, will the Municipal Ordinance be repealed?

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, itu soalan lain.

Ketua Menteri: Itu tentu tidak payah dipersoal pun.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Soalan ketigapuluh enam.

36. Adakah Kerajaan merancang untuk memperbaiki keadaan bah di Jalan Raja Uda, Butterworth yang telah bertambah buruk tahun demi tahun terutama pada musim hujan dan mendatangkan bahaya kepada pengguna-penggunanya?
- (36. Does the Government plan to improve the flood situation in Jalan Raja Uda, Butterworth which is worsening year after year especially during the rainy season and which is dangerous to road users?)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Bagan Jermal, Kerajaan Negeri sedar akan masalah banjir di Jalan Raja Uda, Butterworth. Banjir ini disebabkan oleh sistem saliran yang tidak mencukupi yangmana dihadapi pada masa sekarang di Butterworth. Kerajaan Negeri telahpun menghubungi Kerajaan Persekutuan untuk melantik Perunding Antarabangsa bagi mengkaji masalah saliran Kawasan-kawasan Perbandaran (Metropolitan Areas) di Butterworth dan Bukit Mertajam.

Kerajaan Persekutuan telah melantik "Japanese International Co-operation Agency (J.I.C.A.)" untuk menyediakan Pelan Induk (Master Plan) bagi Projek Sistem Najis dan Saliran Butterworth/Bukit Mertajam, Kawasan-kawasan Perbandaran. Pengutusan Penyukatan telah dijalankan bagi Kerja Ukur permulaan dan peraturan-

peraturan yang perlu bagi Projek di antara 17hb. Mei sehingga 6hb Jun, tahun ini.

Pada maaa sekarang pihak Perunding "Firm NIHON SUIDO CONSULTANTS CO. LTD. yang diperjanjikan (contracted) oleh J.I.C.A. untuk menjalankan Rancangan Utama (Master Planning) yang sekarang berada di Pulau Pinang bagi kajian-kajian permulaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih.

Soalan tambahan Datuk Speaker. Nampak saya bulan dahulu Kerajaan ada memberi projek bagi memperbaiki jalan-jalan di Jalan Raja Uda di hadapan sebuah sekolah. Jika jalan ini dinaikkan sikit, air boleh masuk ke rumah-rumah di dalam tempat itu. Soalan tambahan saya mahu tanya ialah: Adakah apa-apa pelan J.K.R. supaya air mengalir ke tempat lain atau supaya air tidak boleh masuk ke dalam rumah-rumah jika jalan itu tinggi sikit?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, salan tambahan ini tidak ada berkaitan dengan soalan pertama.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Soalan ketigapuluh tujuh (a) dan (b).

37. (a) Sudahkah Kerajaan selesai mengkaji kemajuan tanah Negeri di simpang Jalan Bagan Luar dan Jalan Heng Choon Thian, tanah berhampiran Balai Polis, Butterworth dan juga tanah di antara Pejabat Daerah dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan? Kalau sudah, adakah Kerajaan menyediakan rancangan "Comprehensive" untuk memainkan tanah yang bernilai ini?
- (b) Bolehkah Kerajaan menimbang untuk menjual tanah yang tersebut kepada pemaju-pemaju swasta dengan syarat-syarat ditetapkan oleh Kerajaan?
- (37. (a) Has the Government completed its study on the development of State land at the junction of Jalan Bagan Luar and Jalan Heng Choon Thian which is next to the Police Station, Butterworth and also the land between the District Office and Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan? If so, has the Govern-

ment prepared any Comprehensive Plan to develop this piece of valuable land?

- (b) Can the Government consider selling the above pieces of land to private developers with specific conditions?)

Ketua Menteri: Tuan Speaker, tanah yang berhampiran dengan Balai Polis, Butterworth, pada masa sekarang telah dicadangkan untuk satu Kompleks Polis.

Rancangan bagi Tanah Negeri di Jalan Bagan Luar dan Tanah Negeri di antara Pejabat Daerah dengan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempa-

tan masih dikajikan dan masih belum diputuskan lagi.

Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menjual tanah Negeri yang dirujukkan tadi kepada pemaju-pemaju swasta.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih, Datuk Speaker.

3 (B) JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN

Ketua Menteri: Jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas Meja Dewan.

Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) bertanya Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapa banyakkah binatang-binatang seperti berikut di bawah ini telah diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1976:

1. Kerbau
2. Lembu
3. Kambing
4. Babi
5. Ayam baka yang baik dari luar Negeri
6. Ayam daging biasa

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri, Pulau Pinang memberitahu Dewan ini akan peruntukan Biasiswa, Dermasiswa dan lain-lain bantuan yang akan diberikan kepada penuntut-penuntut di Negeri ini bagi tahun 1976 mengikut pecahan-pecahan berikut di bawah ini:

1. Universiti Malaya	...	...	...	Melayu	China	India
2. U.S.M., Pulau Pinang	...	...	...	Melayu	China	India
3. Universiti Pertanian	...	...	...	Melayu	China	India
4. Universiti Kebangsaan	...	...	...	Melayu	China	India
5. Universiti Teknologi Kebangsaan	...	...	...	Melayu	China	India
6. Institut Teknologi MARA	...	...	...	Melayu	China	India
7. College T.A.R.	...	...	...	Melayu	China	India
8. Universiti Luar Negeri	...	...	...	Melayu	China	India

3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah lapuran dari Jawatankuasa Petugas mengenai masalah orang-orang Melayu Negeri Pulau Pinang ini akan dibentangkan?

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri senaraikan projek-projek besar yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1977, bagi Pulau Pinang/Seberang Perai dan sebutkan projek-projeknya seperti berikut:

1. Nama Projek	...	...	Tempat	Jumlah Perbelanjaan
----------------	-----	-----	--------	---------------------

5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah atau tidak rancangan khas Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membantu orang-orang Melayu di Negeri ini dibidang ekonomi dan bidang-bidang yang lain lagi?

Ketua Menteri:

1. Pembahagian binatang-binatang ternakan oleh Kerajaan Pulau Pinang kepada penduduk-penduduk di dalam Negeri ini bagi tahun 1976 adalah seperti berikut:

1. Kerbau	...	...	...	...	...	15,290
2. Lembu	...	...	...	...	...	3,815
3. Kambing	...	...	...	...	...	12,946
4. Babi	...	...	...	...	...	216,166
5. Ayam baka yang baik dari luar Negeri	...	...	...	...	...	208,938
6. Ayam daging biasa	...	...	...	...	...	2,174,670

2. Peruntukan biasiswa yang telah diluluskan kepada penuntut-penuntut di Negeri ini bagi sesi 1976/1977 adalah seperti di bawah ini:

	Melayu	China	India	Jumlah Peruntukan Biasiswa
1. Universiti Malaya	2	7	—	\$16,900
2. U.S.M. Pulau Pinang	3	4	—	\$10,500
3. Universiti Pertanian	—	1	—	\$ 1,800
4. Universiti Kebangsaan	—	—	—	—
5. Universiti Teknologi Kebangsaan	1	—	—	\$ 1,900
6. Institiut Teknologi MARA	2	—	—	\$ 3,700
7. Kolej Tunku Abdul Rahman	—	—	—	—
8. Universiti Luar Negeri	—	—	—	—
	8 orang	12 orang	—	\$34,800

2. Kerajaan Negeri tidak memberi sebarang dermasiswa dan mengenai bantuan kewangan yang lain sebagai pinjaman, maka permohonan-permohonan bagi sesi 1976/1977 sedang diproses sekarang ini.

3. Lapuran Pasukan Petugas mengenai masalah Bumiputra di Pulau Pinang adalah satu lapuran yang terhad edarannya. Suatu permohonan telah dibuat kepada Pejabat Perdana Menteri supaya Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan diberikan salinan Lapuran tersebut.

Kerajaan Negeri akan membentangkan lapuran apabila kelulusan diberi oleh Pejabat Perdana Menteri.

4. Projek-projek besar yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1977 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Projek	Tempat	Perbelanjaan
1.	Rancangan Perumahan Murah	Bukit Glugor	\$1,680,000
2.	Rancangan Perumahan Murah	Ayer Itam Peringkat IV	1,200,000
3.	Rancangan Perumahan Murah	Taman Free School	3,000,000
4.	Rancangan Perumahan P.D.C.	Bayan Baru	2,000,000
5.	Rancangan Perumahan P.D.C.	Macallum Street	1,000,000
6.	Rancangan Memperbaiki Ke- retapi Bukit Bendera	Bukit Bendera	2,000,000
7.	Masjid Negeri Pulau Pinang	Jalan Ayer Itam	1,000,000
8.	Berbagai Rancangan Parit dan Taliair	Seluruh Negeri	\$1,739,000
9.	Berbagai Rancangan Memper- baiki Jambatan dan Jalanraya	Seluruh Negeri	1,358,900
10.	Jalan Baru, Balik Pulau/Relau	Daerah Barat Daya	1,500,000

SEBERANG PERAI

- | | | | |
|-----|-------------------------------|----------------------|-----------|
| 11. | Rancangan Perumahan Murah | Bagan Ajam | 1,500,000 |
| 12. | Rancangan Perumahan P.D.C. | Seberang Jaya | 2,000,000 |
| 13. | Rancangan Perumahan P.D.C. | Nibong Tebal | 3,000,000 |
| 14. | Rancangan Kompleks Perniagaan | Seberang Jaya | 1,000,000 |
| 15. | Kompleks Pejabat Daerah ... | Nibong Tebal | 1,200,000 |
5. Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang adalah berasaskan pembangunan menyeluruh dan bagi semua rakyat. Tidak kira samada rancangan itu dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ataupun Kerajaan Negeri, faedahnya akan tetap dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengira keturunan. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri sedang bekerja rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek-projek khas yang ditujukan bagi memenuhi keperluan-keperluan orang Melayu di dalam Negeri.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee) bertanya kepada Ketua Menteri:

- Berapa sekim perumahan telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan di tempat mana sekim-sekim itu akan diadakan?
- Berapa yunit dirancang untuk setiap sekim perumahan itu yang telah diluluskan?
- Apakah tarikh permulaan dan penghabisan untuk setiap projek yang diluluskan itu?

Ketua Menteri:

1. (a) & (b) Lapan sekim perumahan telah diluluskan untuk perlaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Sekim-sekim itu akan diadakan di tempat-tempat berikut:

	<i>Yunit</i>
(i) Bukit Glugor, D.T.L.	400
(ii) Batu Lancang Road, D.T.L.	300
(iii) Bagan Ajam I, Butterworth	400
(iv) Bagan Ajam II, Butterworth	400
(v) Kg. Baru, Alma, Bt. Mertajam	256
(vi) Kg. Tebu, Nibong Tebal	300
(vii) Telok Kumbar, Balik Pulau	50
(viii) Relau, Balik Pulau	50

1. (c) Adalah dicadangkan perlaksanaan 3 sekim pada awal 1977. Sekim-sekim tersebut ialah:

- (i) Bukit Glugor, D.T.L.
- (ii) Batu Lancang Road, D.T.L.
- (iii) Bagan Ajam I.

Mengenai sekim-sekim yang tinggal, tindakan sedang diambil untuk merancang dan mempertimbangkan tapak-tapak dan sekim-sekim ini dijangka akan bermula apabila keputusan telah diambil mengenai tapak-tapak dan dijangka siap sebelum tempoh Rancangan Malaysia Ketiga tamat.

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

(I) The Member for Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) asks the Chief Minister:

1. Can the Honourable Chief Minister inform this House the number of livestock distributed by the Government to the people in the State of Penang for the year 1976 as follows:
 1. Buffaloes
 2. Cows
 3. Goats
 4. Pigs
 5. Chicken of good stock from abroad (for breeding purposes only)
 6. Chicken Broilers.
2. Can the Honourable Chief Minister, Penang inform this House what provision will be made for Scholarships, Bursaries and other assistance given to students in this State for the year 1976 with a break-down as follows:

	Malays	Chinese	Indians
1. Universiti Malaya			
2. U.S.M., Penang			
3. Universiti Pertanian			
4. Universiti Kebangsaan			
5. Universiti Teknologi Kebangsaan			
6. Institiut Teknologi MARA			
7. T.A.R. College			
8. Foreign Universities			

3. Can the Honourable Chief Minister inform this House when will the report of the Task Force Committee on the problems of Malays in the State of Penang be tabled?
4. Can the Honourable Chief Minister list the major projects that will be carried out by the State Government for the year 1977 for Penang/Province Wellesley and state the projects as follows:

Name of Project	Place	Amount of Expenditure
-----------------	-------	-----------------------

5. Can the Honourable Chief Minister inform this House whether there are any particular plans to help the Malays of this State in the economic field and in other aspects?

Chief Minister:

1. Distribution of livestock by Penang Government to the people in this State for the year 1976 are as follows:

1. Buffaloes	...	...	...	...	...	...	...	15,290
2. Cows	...	...	...	...	...	...	...	3,815
3. Goats	...	...	...	...	...	...	...	12,946
4. Pigs	...	...	...	...	...	...	...	216,166
5. Hens (Import)	...	...	...	...	...	...	...	208,938
6. Hens (Chicken)	...	...	...	...	...	...	...	2,174,670

2. The Scholarship allocations approved to students in this State for 1976/77 session are as follows:

	Malays	Chinese	Indians	Total Scholarship Allocation
1. University of Malaya	2	7	—	\$16,900
2. University Science Malaysia	3	4	—	\$10,500
3. University of Agriculture	—	1	—	\$ 1,800
4. University Kebangsaan	—	—	—	—
5. The National University of Technology	1	—	—	\$ 1,900
6. Institute Technology MARA	2	—	—	\$ 3,700
7. College Tunku Abdul Rahman	—	—	—	—
8. Overseas Universities	—	—	—	—
	8	12	—	\$34,800

The Government does not offer any Bursary and as regards other financial assistance in the form of loans, the applications for the 1976/77 session are still under process.

3. The Report by the Task Force on Bumiputra problems in Penang is restricted in circulation. A request has been made to the Prime Minister's Office for Members of the State Executive Council to be given copies of the Report.

The State Government will table the report when the approval is granted by the Prime Minister's Office.

4. The major projects that will be carried out by the State Government for the year 1977 are as follows:

No.	Name of Project	Place	Amount of Expenditure
1.	Low Cost Housing Scheme ...	Bukit Glugor ...	\$1,680,000
2.	Low Cost Housing Scheme ...	Ayer Itam Phase IV ...	1,200,000
3.	Low Cost Housing Scheme ...	Taman Free School ...	3,000,000
4.	P.D.C. Low Cost Housing Scheme	Bayan Baru ...	2,000,000
5.	P.D.C. Low Cost Housing Scheme	Macallum Street ...	1,000,000
6.	Repairs on the Penang Hill Railway	Penang Hill ...	2,000,000
7.	State Mosque ...	Ayer Itam Road ...	1,000,000
8.	Various Drainage and Irrigation Schemes	Throughout the State	1,739,000
9.	Repairs on Bridges and Roads	Throughout the State	1,358,900
10.	Jalan Baru, Balik Pulau/Relau	South West District	1,500,000
PROVINCE WELLESLEY			
11.	Low Cost Housing Scheme ...	Bagan Ajam ...	1,500,000
12.	P.D.C. Low Cost Housing Scheme	Seberang Jaya ...	2,000,000
13.	P.D.C. Low Cost Housing Scheme	Nibong Tebal ...	3,000,000
14.	Business Complex ...	Seberang Jaya ...	1,000,000
15.	District Office Complex ...	Nibong Tebal ...	1,200,000

5. The State Development Programme is based on overall development and for every citizen of the State. Irrespective as to whether the programme is undertaken by the Penang Development Corporation, the Board of Management, Local Governments or the State Government, its benefits will be for all the people without regard to their ethnic origins. At the present time the State Government is working closely with the Federal Government to implement special projects specifically directed to meet the needs of the Malays in the State.

(II) The Member for Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee) asks the Chief Minister:

1. (a) How many housing schemes have been approved under the Third Malaysia Plan and where?
- (b) How many units are there in each of the schemes approved?
- (c) When is the date of commencement and completion for each of the schemes approved?

Chief Minister:

1. (a) & (b): Eight housing schemes have been approved under the Third Malaysia Plan. These schemes will be sited in the following places:

	<i>Units</i>
(i) Bukit Glugor, D.T.L.	400
(ii) Batu Lancang Road, D.T.L.	300
(iii) Bagan Ajam I, Butterworth	400
(iv) Bagan Ajam II, Butterworth	400
(v) Kg. Baru, Alma, Bukit Mertajam	256
(vi) Kg. Tebu, Nibong Tebal	300
(vii) Telok Kumbar Balik Pulau	50
(viii) Relau, Balik Pulau ...	50

1. (c): It is proposed to implement 3 schemes in early 1977. These are:
 - (i) Bukit Glugor, D.T.L.
 - (ii) Batu Lancang Road, D.T.L.
 - (iii) Bagan Ajam I.

With regard to the remaining schemes, action is being taken to plan and decide on the sites and these schemes are expected to commence when decisions have been made regarding the sites and are expected to be completed before the end of Third Malaysia Plan period.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.06 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.35 pagi.

4. RANG UNDANG-UNDANG

(1) Rang Undang-undang Perbekalan (1977), 1976.

Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama 'Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan-

wang Disatukan untuk Perkhidmatan bagi tahun 1977 dan bagi memperuntukkan wang ini untuk perkhidmatan pertama.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang pertama.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, menurut syarat-syarat Peraturan Majlis Mesyuarat 59, saya memberi kenyataan bahawa bacaan bagi kali kedua Rang Undang-Undang ini akan dicadangkan dengan serta merta.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mengusulkan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan 'Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan-wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1977 dan bagi memperuntukkan wang ini untuk perkhidmatan bagi tahun ini' dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Speaker, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk mendapat Kuasa Berkanun bagi Kerajaan Negeri membelanjakan sejumlah \$22,581,380 bagi perkhidmatan tahun 1977. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat butir-butir kedua-dua cadangan perbelanjaan serta lain-lain perbelanjaan pengurusan di dalam Kertas Ni. 13, tahun 1976.

Tuan Speaker, pada tahun 1977 Kerajaan Negeri membentangkan belanjawan kurangan. Kurangan pada tahun 1977 itu berjumlah sebanyak \$1,620,810.

Walaubagaimanapun, Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengkaji dengan telitinya belanjawan ini, berasaskan kepada pengalaman-pengalaman yang lalu mahupun menimbangkan belanjawan ini bersama-sama dengan Belanjawan Pembangunan yang akan dibentangkan kelak, Ahli-ahli Yang Berhormat akan sedar bahawa kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sangat kukuh.

Tuan Speaker, pada tahun 1974, Baki Hasil Am Negeri berjumlah \$11,288,107. Dalam tahun 1975 Kerajaan Negeri setapak demi setapak telah mengumpul Baki Hasil itu sehingga pada 1hb Januari tahun 1976, kedudukan Hasil Baki Am telah berjumlah \$12,980,089. Bagi tahun 1976, anggaran yang disemak dijangka menunjuk kekurangan sebanyak \$1,144,710. Walaubagaimanapun adalah dianggarkan kita sekarang hanya akan mengalami kekurangan sebanyak \$800,000 dan anggaran Baki Hasil Am pada 1hb Januari, 1977 akan berjumlah sebanyak \$11,835,379.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan menghargai bahawa belanjawan kita menjangkakan Hasil Baki Am yang teguh berjumlah sebanyak \$10,214,569 pada 31hb Disember tahun 1977. Kejayaan kita dalam tahun 1976 menggalakkan kita mengharap-harapkan satu kawalan perbelanjaan yang teliti bagi tahun 1977 sepertimana telah dicapai pada tahun 1976.

Dalam tahun 1977, Kerajaan Negeri akan membentangkan belanjawan yang menunjukkan sedikit tambahan perbelanjaan jika dibandingkan dengan jumlah yang diperuntukan bagi Belanjawan Mengurus dalam tahun 1976. Ini dengan jelasnya menunjukkan betapa tegasnya Kerajaan Negeri dapat mengekalkan belanjawannya. Adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk membelanjakan wang dengan bijaksana dan berhati-hati. Perbelanjaan-perbelanjaan yang membazir dalam Belanjawan Mengurus telah senantiasa dikurangkan dengan tujuan untuk membentangkan belanjawan yang sederhana tetapi teguh dan segar.

Dari setahun ke setahun, sejak kita amalkan Sistem Belanjawan Perancangan dan Prestasi, Kerajaan Negeri telah memperbaiki kawalan kewangan Negeri kita. Sistem kod baru bagi hasil-hasil telah diperkenalkan dan diamalkan pada tahun 1976 dan dicadangkan supaya sistem kod baru untuk hasil-hasil itu diperbaiki dan diubahsuai untuk membolehkan penggunaan kawalan Komputer bagi belanjawan kita.

Perbendaharaan Negeri telah bekerja rapat dengan Pusat Komputer Universiti Sains Malaysia demi memperbaiki kawalan belanjawan kita melalui penggunaan Komputer. Dijangkakan bahawa Negeri kita akan dapat memperkenalkan sistem perancangan komputer yang terbaharu untuk membantu kawalan belanjawan kelak. Melalui Komputer kita akan dapat menyemak dan mengawal perbelanjaan kita dengan lebih mendalam dan meluas lagi dalam masa yang lebih singkat berbanding dengan tahun-tahun yang lampau. Ini akan membolehkan kita meneliti dan mengurus projek-projek pembangunan dengan lebih baik di dalam Negeri.

Sungguhpun demikian, kita harus bergerak dengan cermatnya ke arah penggunaan Komputer. Penggunaannya bagi kawalan belanjawan hendaklah dilaksanakan berperingkat-peringkat dan setiap langkah hendaklah dipertimbangkan dan disemak semula akan kejayaannya.

Tuan Speaker, dalam tahun 1977 hasil yang dianggarkan ialah \$35,284,170. Angka ini menunjukkan tambahan sebanyak \$2,500,000 berbanding dengan hasil yang telah dijangkakan untuk tahun 1976. Penambahan utama dalam anggaran hasil tahun 1977 ialah dalam bentuk Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai.

Tambahan hasil daripada cukai-cukai akan menunjukkan kelebihan sebanyak \$400,000 dan ini adalah daripada Hasil Cukai Tanah. Ahli-Ahli Yang Berhormat tentu akan ingat bahawa Dewan ini telah meluluskan pengurangan 5% lagi selain daripada Pengurangan Am sebanyak 10% ke atas Cukai Tanah bagi membantu rakyat kita mengatasi keburukan inflasi dalam Negara kini akibat keadaan rotoflasi dalam tahun 1976. Adalah dianggarkan pada tahun hadapan (1977) keadaan ekonomi akan pulih semula dan berdasarkan anggapan bahawa keadaan ekonomi akan menjadi bertambah baik, Kerajaan Negeri telah mencadangkan untuk melanjutkan Pengurangan Am sebanyak 10% untuk Cukai Tanah tetapi berputus untuk membatalkan pengura-

ngan sebanyak 5% yang telah diperkenalkan pada tahun 1976.

Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri akan melanjutkan pengurangan 10% ke atas kadar Cukai Parit dan Taliair dalam tahun 1977.

Satu lagi butir yang penting untuk penambahan yang dijangkakan di bawah Hasil Cukai ialah dari Cukai Hiburan. Adalah dijangkakan bahawa dalam tahun 1977 akan terdapat penambahan sebanyak \$200,000 lagi daripada Cukai Hiburan. Adalah diharapkan bahawa hiburan akan menjadi sektor yang lebih maju disebabkan pelancungan dan kemajuan sosial berkembang dalam Negeri kita.

Berkaitan dengan tambahan hasil daripada punca Hasil Bukan Cukai jumlah tambahan yang utama boleh didapati di bawah butir Faedah dan Pinjaman. Dalam tahun 1976 jumlah hasil yang dijangkakan ialah \$2,300,000.

Dalam tahun 1977 adalah dianggarkan bahawa tambahan hasil ialah sebanyak \$2,900,00. Kebanyakan tambahan ini disebabkan oleh Faedah dan Pinjaman yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Projek Sungai Muda kepada Pihak Berkuasa Air. Pada tahun-tahun lalu, pinjaman-pinjaman ini dibayar terus oleh Pihak Berkuasa Air kepada Perbendaharaan Persekutuan. Tetapi dalam tahun 1977, pembayaran pinjaman-pinjaman ini akan disalurkan melalui Perbendaharaan Negeri. Tambahan lagi, pinjaman-pinjaman oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk sekeping tanah di Sungai Ara di kawasan Bayan Baru patut dibayar pada tahun 1977 dan ini adalah diambilkira bagi jumlah tambahan dalam anggaran hasil kita daripada punca Hasil Bukan Cukai.

Tuan Speaker, sebelum saya teruskan pembentangan aspek perbelanjaan Belanjawan, saya ingin mengambil peluang ini untuk menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kepada *issues* yang telah dibangkitkan beberapa kali pada masa-masa lalu. Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan dan peringkat Negeri, adalah terlibat de-

ngan sepenuhnya ke arah pelaksanaan perancangan sosio ekonomi melalui Dasar Ekonomi Baru dan tujuan Rancangan Malaysia Ketiga bagi mencapai satu masyarakat yang adil dan saksama bagi semua rakyat. Kerajaan Negeri sangat-sangat mementingkan tujuan menghapuskan kemiskinan, membentuk semula masyarakat dengan cara menggubal semula ketidakseimbangan dan keperluan untuk memperkukuhkan keazaman masyarakat bagi mempertahankan keamanan Negara.

Setakat ini, Kerajaan Negeri akan membuat apa sahaja yang boleh bagi mengelak kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh rakyat kita, terutamanya bagi mereka-mereka yang miskin. Ini telah dibuktikan dengan melaksanakan pengurangan Cukai Tanah sebanyak 10% dan bagi tahun 1976, iaitu tahun kemerosotan, dengan melaksanakan pengurangan tambahan Cukai Tanah selanjutnya sebanyak 5% lagi. Kerajaan Negeri bercadang untuk membatalkannya memandangkan kepulihan keadaan ekonomi pada tahun hadapan. Oleh yang demikian kita dapat melihat iaitu kutipan Cukai Tanah telah diselaraskan dengan teliti terhadap keperluan Negeri setelah mempertimbangkan kebolehan rakyat untuk membayar cukai itu.

Dengan ini, Kerajaan telah menubahkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji kes-kes kemiskinan yang sebenarnya dalam melaksanakan Cukai Tanah supaya kesusahan-kesusahan dapat dikurangkan di mana yang boleh dan di mana yang patut. Biasanya sebahagian besar dari rakyat di Negeri ini telah menerima dengan baikinya dan telah membayar Cukai Tanah mengikut Jadual dan menganggapnya sebagai satu tanggungan sibiik mereka terhadap kemakmuran Negeri. Syabas atas tindakan mereka. Tindakan ini juga membayangkan keupayaan rakyat dalam Negeri ini.

Malangnya, terdapat juga mereka-mereka yang tidak menunaikan tanggungjawab sibiik mereka dengan sepenuhnya terhadap pembangunan Negeri dan Negara. Sehingga akhir tahun ini adalah dijangkakan tunggakan Cukai Tanah akan berjumlah

lebihkurang \$8,000,000.00. Yang paling menyedihkan ialah tunggakan-tunggakan ini bertambah banyak bukanlah disebabkan oleh orang-orang miskin atau mereka-mereka yang dikelaskan sebagai 'tidak berupaya'. Sebenarnya sebahagian besar dari tunggakan Cukai Tanah ini bertambah oleh mereka-mereka yang mampu membayar tetapi tidak menunaikan tanggungjawab sibil mereka terhadap masyarakat.

Kerajaan Negeri dengan penuh azam akan mengambil tindakan yang tegas dalam tahun 1977 untuk mendapatkan balik tunggakan-tunggakan Cukai Tanah ini. Tindakan ini akan dijalankan mengikut konteks undang-undang Negeri ini. Kerajaan tidak akan bertolak-ansur dengan pihak yang tidak mempunyai perasaan tanggungjawab sibil yakni mereka yang mempunyai tunggakan-tunggakan Cukai Tanah walhal sebahagian besar dari rakyat yang lain telah menunaikan tanggungjawab mereka dengan baiknyaa.

Datuk Speaker, Anggaran Perbelanjaan tahun 1977 akan berjumlah sebanyak \$22,581,380. Angka ini jika dibandingkan dengan peruntukan 1976 yang berjumlah sebanyak \$22,570,090 menunjukkan tambahan yang minima dalam perbelanjaan yang dijangkakan itu. Sebenarnya melalui kawalan belanjawan kita yang lebih ketat yakni dengan cara penerimaan Sistem Belanjawan Perancangan dan Prestasi, Perbendaharaan Negeri dapat menyamak semula perbelanjaannya bagi tahun 1976 kepada \$21,155,080 sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu akan berbangga oleh kerana kita telah mencapai satu keadaan di mana Perbelanjaan Mengurus kita tiap-tiap tahun telah dikawal dengan begitu rapi sehingga belanjawan asas Kerajaan Negeri dapat mengujudkan kedudukan kewangan yang tetap dan kukuh di mana usaha-usaha pembangunan kita boleh diasaskan. Kita dengan berkesannya telah dapat menstabilkan kos pentadbiran pembangunan dan seterusnya kedudukan kewangan kita telah diperkukuhkan untuk menyokong projek-projek pembangunan yang dijalankan melalui

perbelanjaan oleh agensi-agensi Kerajaan, seperti Pihak Berkuasa Air dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Kita telah sampai ke satu peringkat ekonomi dimana lebih banyak pembangunan boleh dilaksanakan oleh sebab pesatnya kelengkapan kewangan yang telah dicapai.

Tuan Speaker, berbalik kepada perbelanjaan yang dicadangkan untuk 1977, ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kenaikan biasa dalam jumlah gaji kakitangan-kakitangan bagi berbagai jabatan menunjukkan tambahan sebanyak 5% hingga 7% sahaja. Pada keseluruhannya jumlah perbelanjaan ke atas gaji dan upahan untuk tahun 1977 akan meliputi sebanyak 38.15% daripada jumlah perbelanjaan kita pada tahun 1977. Oleh yang demikian kumpulanwang yang mencukupi telah diperuntukkan untuk menaikkan biasa kepada Gaji dan Upahan bagi tahun depan tetapi peruntukan tidak disediakan untuk sebarang tambahan lain yang mungkin ditanggung jika terdapat sebarang perubahan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Tangga Gaji baharu.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengambil perhatian dengan teliti atas tindakan Kerajaan untuk mengekalkan kawalannya terhadap Perbelanjaan Mengurus kita. Kawalan ini akan membekalkan perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan dalam Negeri malah berjaya pula mengawal perbelanjaan ke atas Gaji dan Upahan hingga ke peringkat 38.15% daripada ke semua jumlah perbelanjaan dalam Belanjawan tahun 1977. Faktor inilah yang mustahak sekali membayangkan kekesanan Kerajaan Negeri dalam mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh dan berkesan dalam Negeri ini.

Adalah sudah menjadi dasar Kerajaan Negeri berhati-hati tentang kewangannya. Dengan pengurusan yang bijaksana dan berwaspada kita telah berjaya menguntukkan pentadbiran yang cekap dan berkesan. Saya yakin bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini akan bersamasama dengan saya mengambil peluang

ini untuk mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang berkhidmat dengan Kerajaan Negeri kerana ketaatan dan dedikasi mereka kepada perkhidmatan—membolehkan kita melaksanakan matlamat kita untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang kuat dan mendokong keseluruhan rancangan pembangunan sosio ekonomi di dalam Negeri kita.

Tuan Speaker, adalah dengan sesungguhnya Belanjawan Mengurus Kerajaan Negeri telah menjadi asas yang teguh bagi mengekalkan pembangunan sosio ekonomi dalam Negeri ini. Baki hasil am yang kukuh yang sudah dikumpulkan oleh Kerajaan Negeri sudah memberi penuh keyakinan bahawa kita harus menambahkan tenaga kita demi mencapai kemajuan sosio ekonomi untuk Negeri kita. Tambahan lagi kita juga yakin bahawa kita akan boleh memperkukuhkan keupayaan kita untuk menanggung bidang projek-projek pembangunan yang luas yang dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, semasa beliau membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga. Kekuatan kewangan kita akan menambahkan kesanggupan kita untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga, demi kepentingan kehidupan yang lebih makmur untuk rakyat di Negeri Pulau Pinang ini.

Walaupun Baki Hasil Am kita masih teguh, Kerajaan Negeri ini tidak akan ragu-ragu untuk mengurangkan simpanan itu jika wujudnya keperluan yang mendatangkan faedah yang lebih besar untuk rakyat Negeri Kita, ataupun jika sekiranya kita terpaksa menambah serta pesatkan kegiatan melaksanakan projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pada hakikatnya rakyatlah yang diutamakan dan bukan kedudukan Baki Hasil Am. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sedia maklum Kerajaan Negeri ini berazam menyediakan tempat perlindungan untuk rakyatnya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga pada awal tahun 1977 dan jika perlu kita akan menyokong ran-

cangan kita untuk menambahkan keupayaan perumahan dengan mengurangkan Baki Hasil Am kita bagi memesatkan rancangan pembinaan perumahan.

Tuan Speaker, Kerajaan akan terus mengekalkan keazaman untuk memberi kehidupan yang lebih makmur kepada semua rakyat dalam Negeri Pulau Pinang. Kita akan terus berazam mengekalkan kemajuan bidang sosio ekonomi dalam Negeri kita. Keteguhan punca hasil kita memberikan keazaman yang lebih untuk melaksanakan masa hadapan yang lebih mewah untuk rakyat kita di Negeri Pulau Pinang ini.

Saya mencadangkan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad bin Salleh): Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Rang Undang-undang ini dibuka untuk dibahas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tuan Speaker, saya rasa sukacita mendapat peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang ini.

Saya mahu memberitahu Datuk Speaker, iaitu saya hendak juga bercakap Bahasa Malaysia lebih pada bulan Januari tahun ini, tetapi oleh sebab saya sakit ulcer dan dimasukkan ke dalam hospital sebanyak tiga kali, saya tidak dapat peluang membaca Bahasa Malaysia. Dengan itu saya harap dan minta izin kepada Datuk Speaker, jikalau di mana saya tidak boleh bercakap dalam Bahasa Malaysia, berilah saya peluang bercakap sedikit dalam Bahasa Inggeris. Terimakasih.

Datuk Speaker, saya rasa Rang Undang-Undang ini ialah suatu Rang Undang-Undang yang penting di dalam Mesyuarat sekarang. Mesyuarat ini ada dua tujuan yang saya fikir penting. Perkara yang pertama ialah kita mahu bahas Rang Undang-Undang ini sebab kita mahu bahas bagaimana Kerajaan boleh dapat wang di dalam Negeri kita dan memberi perkhidmatan bagi orang ramai dalam Negeri kita. Tujuan yang kedua

ialah kita mahu bahas juga berkenaan Development Budget. Pada masa sekarang kita berbahas berkenaan perkara-perkara di dalam Rang Undang-Undang ini.

Datuk Speaker, saya rasa kalau kita mahu beri perkhidmatan bagi orang-ramai di dalam Negeri kita, kita tentu mahu ingat macam Ahli Yang Berhormat ada bercakap tadi berkenaan Dasar Ekonomi Baru. Tujuan dan objektif Dasar Ekonomi Baru ialah dua :

- (i) Dalam Bahasa Inggeris, to eradicate poverty for our people.
- (ii) To narrow the gap between orang-orang miskin dan orang-orang kaya.

Inilah saya harap Kerajaan selalu ada bercakap tentang Dasar Ekonomi Baru di dalam surat khabar beritahu orang-ramai, tetapi saya rasa projek-projek yang Kerajaan ada buat 5 tahun dahulu tidak cukup—not enough to achieve the objectives of Dasar Ekonomi Baru. And therefore, I strongly urge the Government, kalau Kerajaan mahu utilise the money provided by the Supply Bill, they must remember very well Dasar Ekonomi Baru and betul-betul buat projek-projek bagi orang miskin and bring in benefits untuk orang-orang miskin. Sebagai contoh, semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini taulah poverty always prevails in the kampongs and rural districts and those are the people who need our help the most. Saya harap Kerajaan selalu mahu ingat akan orang-orang yang duduk di dalam rural districts dan kampung-kampung. Sebagai contoh lagi ialah di kawasan saya ada 30,000 orang duduk di dalam kampung-kampung. Di sana apa-apa *basic amenities* pun tidak ada, macam paip air, street lights and approach roads and drains. Sebab itulah lebihkurang 30,000 penduduk di kawasan saya berasa susah sebab Kerajaan tidak ada masa to look after them. For the last 5 years the Government has concentrated all its, energy and all its power for industrial development and housing development that is out of the reach

of those poor people. Saya haraplah jikalau wang diluluskan di dalam Rang Undang-Undang ini saya haraplah boleh *utilise* untuk orang-ramai yang miskin and also in this connection saya haraplah there will be a separate Head created in this Budget next year. The Head, I would call it the 'Kemajuan Kampung'. Di dalam Kepala ini kita boleh bagi wang untuk menolong orang-orang miskin di dalam kampung-kampung dan *rural districts* dalam Negeri kita. Jikalau kita ada provision atau peruntukan wang bagi Kepala ini kita bolehlah employ staff to work and see to the needs of the people in the kampungs.

Lagi satu Kepala yang saya harap Kerajaan boleh create separately ialah 'Housing' atau 'Perumahan' di dalam Rang Undang-Undang atau Supplementary Bill di tahun akan datang. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini ada beberapa ribu orang mahu rumah-rumah macam harga yang dia boleh beli. Kerajaan ada buat 800 rumah-rumah di dalam tahun dahulu tetapi dengan harga itu banyak orang-orang miskin tidak boleh beli. It is out of the reach of the poor people.

Just now I was trying to bring to the attention of Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kawasan Ayer Itam sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan iaitu ada satu kontraktor di Prai bercakap dia boleh buat beribu-ribu perumahan murah bagi orang-orang miskin. Sebab itulah ada lebihkurang 5,000 orang pergi *register* sebab dia mahu rumah murah. Tapi sini saya rasa sukacita sebab P.D.C. ada bagi satu *statement* di dalam surat khabar beritahu ini bukan projek Kerajaan. Inilah saya mahu ucap tahniah kepada P.D.C.. Jikalau P.D.C. tidak buat satu *statement*, saya ingat banyak susahlah mahu tunggu dua-tiga jam mahu *register*, mahu ambil borang-borang atau entah apa-apa. Tetapi saya haraplah Ahli Yang Berhormat dari Ayer Itam boleh bagi satu *statement* lagi bagi orang tahu Kerajaan tidak ada bagi borang permohonan untuk perumahan murah sekarang. Ini adalah untuk masa akan

datang. Sebab itulah orang private kontraktor tidak boleh *bluff people*.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya harap saya tidak suka hendak potong di dalam perbahasan ini tapi saya ingat Ahli daripada Bagan Jermal tidak faham kita sekarang bahas Rang Undang-Undang Perbekalan. Di Dewan ini kita ada peluang bahas satu Usul peruntukan Perbelanjaan Pembangunan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya tahu, terima kasih.

Ketua Menteri: Perumahan tidak masuk dalam sini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya mahu dapat ini peluang bagi tahu Kerajaan bolehkah kita buat satu *separate* Kepala di bawah "Housing". Ini satu cadangan saja. Saya ada dapat tahu di dalam jawapan Yang Berhormat dari Ayer Itam kita ada dapat lebihkurang \$34 juta bagi perumahan murah. Tapi kita ada dapat tahulah di dalam ini Jabatan Perumahan Murah, Jabatan Perumahan Murah (*gangguan*).

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, tak payah sebut lagi berulang-ulang balik.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya bercakap berkenaan ini sebab saya harap di tahun hadapan kita boleh dapat bekalan bagi lagi satu Kepala di bawah "Housing". Sekarang kita ada satu Housing Manager saja di dalam Jabatan Perumahan dan ada tiga atau empat orang bekerja di dalam sana. Jikalau kita tidak ada cukup wang bagi Jabatan ini macamana kita boleh buat perumahan murah sebanyak 50,000 di dalam 5 tahun hadapan.

Datuk Speaker, kita semua tahulah sources of revenue for Our State is very limited and with such a limited sum for providing services for our people I wish to suggest that the Government utilize the money provided under this Supply Bill very, very carefully and identify the priorities with great care.

Dalam tahun dahulu perkhidmatan ada memberi lagi perindustrian, tetapi perumahan bukan murah. Saya haraplah di tahun hadapan wang berkenaan dalam Rang Undang-Undang ini bolehlah memberi perkhidmatan bagi orang miskin di dalam kampung.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat, janganlah diulang-ulang lagi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): In so doing, saya haraplah Yang Amat Berhormat dan Ahli-ahli di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan bolehlah selalu pergi tengok kampung-kampung di dalam Negeri kita. Beliau boleh dapat peluang mengetahui apa-apa kesusahan orang-orang miskin yang duduk di dalam kampung. Selalu saya ada tengok Yang Amat Berhormat pergi Butterworth untuk *official functions* tapi saya haraplah pada tahun hadapan jikalau Yang Amat Berhormat ada dapat peluang datang ke Butterworth, saya haraplah Yang Berhormat boleh *spare* satu jam atau dua jam pergi ke satu kampung atau dua kampung.

Saya haraplah boleh dapat lebih sedikit masa dia datang ke kampung-kampung di dalam Butterworth. Saya tahulah selalu apa orang-orangramai di sana meminta selalu banyak. The demand is always so great that the Kerajaan cannot meet the demand, but saya fikir only the visit of the Honourable Chief Minister himself—kalau beliau datang ke kampung-kampung sana—bolehlah membawa muhibbah dan kerjasama dari orangramai di sana. Macam jikalau Yang Amat Berhormat datang ke sebuah kampung, tentu dia meminta banyak perkara-perkara yang mana kita tidak boleh buat 100 peratus siap bagi mereka, tapi from time to time kita boleh buat 10 per cent atau 20 per cent. Saya ingat ini boleh cukuplah. Saya banyak tahu orang di dalam sana. Jikalau tidak silap, setahun lalu Yang Berhormat dari Datuk Keramat sebagai Pemangku Ketua Menteri datang (*gangguan*).

Tuan Speaker: Saya ingat Yang Berhormat dari Bagan Jermal sudah keluar dari perbahasan ini. Saya harap

berhentikan setakat ini saja—ini akan membuang masa saja. Tak payahlah Yang Berhormat berbincang dengan panjang lagi kerana Yang Amat Berhormat boleh tahu apa-apa tujuannya. Saya harap berhentikan perbahasan ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Terima kasih, Datuk Speaker, bolehkah saya mahu finish speaking? When Yang Berhormat dari Datuk Keramat datang ke kawasan saya banyak orang came out to welcome him and to greet him. Jikalau Yang Amat Berhormat datang ke kawasan saya, saya ingat beribu-ribu orang boleh keluar, to greet or welcome him.

Tuan Speaker: Yang Berhormat, jangan diulangnkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Bolehkah saya minta kebenaran memberitahu Dewan ini adalah saya dapat satu peluang tahun ini bersama-sama Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Kampung, Encik Michael Chen. Saya ada bersama beliau pergi tengok kampung-kampung (gangguan).

Tuan Speaker: Tak payahlah. (ketawa). Itu sudah ada di dalam surat-khabar.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Speaker, Rancangan Malaysia Ketiga ada diluluskan oleh Parlimen tahun ini supaya pada tahun lain semua kakitangan-kakitangan di dalam Negeri kita tentu mahu buat kerjasama dan kerja kuat supaya Rancangan Malaysia yang Ketiga ini boleh berjaya. Saya ada dapat tahulah macam percakapan di dalam Bahasa Inggeris, "A good start is half way to success". Saya harap tahun hadapan di dalam Supply Bill ini semua kakitangan-kakitangan Kerajaan boleh bekerjasama supaya Rancangan Malaysia Ketiga boleh berjaya di dalam lima tahun hadapan. In this connection saya ada ingat budget bagi tahun ini tentu banyak besar sedikit dan more dynamic, tetapi saya tengok budget itulah serupa macam budget tahun dahulu. Ini saya

ingat macamanana kita boleh bagi satu good start untuk Rancangan Malaysia Ketiga. Saya ingat budget itu serupa macam budget tahun 1976—tidak cukup bagi semua kakitangan di dalam Kerajaan kita.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, adakah point lain? Kalau tak ada sudahlah, tak usah ulang-ulang. Itu semua tak ada point.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Sekarang kita boleh tengok Anggaran ini. Di dalam Risalat Bil. 13/1976, page 2 di dalam Anggaran Hasil, kita boleh nampaklah anggaran bagi tahun 1976 ialah serupa seperti anggaran bagi tahun hadapan. The difference is that in the revised estimate, anggaran agak lebih-kurang sampai \$2.6 juta. Inilah sebab Item 1—7500, bagi Interest and Return of Investment has been increased to \$6.4 million from \$3.55 million and the Direct Tax has also been increased by \$0.6 million. But on the other hand, the Refund of Expenditure under Head 1—8100 is decreased by \$0.6 million. Therefore the deficit for 1976 ialah anggaran original estimate for something like \$800,000.00 but this year this deficit becomes \$1.6 million. So I do not wish to criticise the deficit because it always happens that what we hope to receive we receive more than what we expect and spend less than what we expect. Sometimes the deficit becomes a surplus.

Saya suka memberi sedikit comment bagi Head 1—8201 dan 1—8204. Saya ingat ini ialah bantuan Kerajaan Persekutuan bagi Kerajaan kita. Saya rasa sukacita bercakap Capitation Grant ada naik \$1 juta. Tahun 1976 Capitation Grant sebanyak \$4.854 juta tetapi tahun hadapan kita ada dapat sebanyak \$5.82 juta. Inilah saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kita. Tetapi this Capitation Grant is based on the census sheet of 1970. Dalam tujuh tahun ini orang-orang di dalam Negeri kita sini ada naik sebanyak 50 peratus. Di dalam tahun 1970 ialah sebanyak 800,000 orang tetapi sekarang kita ada hanya sebanyak lebihkurang 1 juta. Sebab itulah

saya harap kita boleh minta lagi banyak *Capitation Grant* bagi Negeri kita.

Lagi satu perkara berkenaan bantuan bagi Negeri kita oleh Kerajaan Persekutuan ialah berkenaan jalan-jalan raya. Di dalam tujuh tahun ini kita ada dapat bantuan sebanyak \$2.2 juta saja. Sampai sekarang kita dapat lebihkurang 2 juta. In the seven years development of our State, the length of the roads has been very, very greatly increased. So I hope we can ask for more grants for the State roads.

Jikalau kita tengok buku Budget ini, kita boleh dapat tahulah semua *items* bagi *expenditure* are almost serupa *item* by *item* tetapi ada satu *item* sahaja tidak serupa, iaitu *the item under page 14 (3)—Perbendaharaan*. Inilah ada naik dari \$13 juta sampai \$14 juta—naik lebihkurang \$800,000. Deficit bagi tahun 1976 ialah lebihkurang \$800,000, tetapi sekarang kita ada naik \$1.6 juta.

The increase, I think, is due to this repayment of loans and interests to the Federal Government and the Asia Bank to that amount. Most of the repayment that we are paying to the Federal Government ialah untuk Perumahan murah dan Pembangunan perindustrian, tetapi we have already committed ourselves, so kita selalu mahu bayar. Tetapi berkenaan pembangunan perindustrian, saya ingat it is slowing down in our State.

Bulan dahulu, saya ada baca satu magazine, the "Newsweek", di mana ada dikatakan investment for the foreign countries will slow down because of the shortage of money, so, di dalam Negeri kita tahun ini, 1976, kita dapat tahulah pembangunan perindustrian ada *slowing down*. Sebab itulah saya ada *worry* sedikit how we will be paying the money under this Head, "Perbendaharaan". Saya ada dapat tahulah, kita ada hutang Kerajaan Persekutuan dan Asia Bank sebanyak \$100 juta; macam itu tahun-tahun kita mahu bayar lebih. Sekarang kita bayar \$14 juta ialah lebihkurang 40% bagi *budget* kita. Kita *budget* \$35 juta sahaja, tetapi pembayaran bagi *interest* dan *repayment* sebanyak \$14 juta. Macam inilah 40% dari *budget*

kita, kita mahu bayar balik Kerajaan Persekutuan.

Now, saya mahu memberi sedikit *comment on the Kepala Bekalan 1—Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan*. Inilah peruntukan sebanyak jumlah \$3.633 juta. Jika kita *compare with the 1976 Budget*, ini \$300,000 kurang. This deduction of \$300,000, as I can see it from the Budget, is coming from Kepala 4100 dan 4500—Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. This is reduced from \$1.596 million to \$1.010 million. The deduction is about \$500,000. Jikalau kita baca Budget di dalam tahun 1970 dan 1971, kita ada dapat tahulah di bawah Kepala ini (Kepala 1), saya ada tahulah, ada banyak-banyak perkara di bawah Kepala Kecil di dalam Kepala ini. Saya haraplah lain kali Kerajaan boleh memberi satu lampiran supaya kita boleh tahu apa-apa perkara wang bagi Kepala ini mahu dibelanjakan or give an Appendix to see how we are going to spend the \$3.6 million under this Head.

Satu perkara saya tahu ialah berkenaan Pesta Pulau Pinang di bawah Kepala ini. Saya rasa dukacita Pesta Pulau Pinang tahun ini adalah kekurangan dua *events*—satu ialah Singay dan satu ialah Floats Procession. Dua *events* ini are very important to the people coming to see our Pesta Pulau Pinang. This is one thing which I feel regret. I feel this Pesta is under the Sub-Head of Head 1.

Tuan Speaker: Ahli Kawasan Bagan Jermal, tidak payahlah panjang-panjang sangat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Datuk Yang di-Pertua, lagi sedikit sahaja, lima minit boleh habis. Ada satu perkara saya mahu bangkitkan di sini ialah satu perkara berkenaan *study-tour*. Ini ialah satu kepala kecil di bawah Kepala ini. Tahun dahulu I would take against wang bagi *study-tour*, tetapi tahun ini saya mengucapkan terima kasih kerana dapat satu peluang mengambil bahagian dalam C.P.A. Conference. Di dalam C.P.A. Conference, saya ada berjumpa banyak pegawai-pegawai

atau Ahli-Ahli di dalam Parlimen dari negeri-negeri lain. Saya pun juga ada pergi Kenya. Di Negeri Nairobi sana I have attended, one morning, the Parliamentary Proceedings di dalam Negeri sana. There I learnt a very good lesson. The Government of Kenya is very open-minded. Anybody, whether members or back-benchers or from the Opposition boleh (gangguan).

Tuan Speaker: Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal, nampaknya Yang Berhormat sudah terkeluar daripada tajuk yang asal. Kalau Yang Berhormat betul-betul hendak memberi *Report*, itu patutlah *cyclostyle* bagi semua orang supaya semua orang boleh tahu lebih lanjut lagi. Apa Yang Berhormat buat siang hari dan apa yang dibuat malam hari (*ketawa*) bolehlah dimasukkan di dalam laporan itu. (*Ketawa*).

Kita ingin juga hendak tahu apa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan Jermal kerana saya tahu semua orang di Pulau Mauritius berkulit hitam.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Tetapi saya mahu bagi tahu sedikit sahajalah.

Tuan Speaker: Ini saya tahu dan saya faham. Saya harap Yang Berhormat patutlah buat satu *Report* kerana Ahli Yang Berhormat adalah member daripada C.P.A., tiap-tiap lawatan itu mestilah bagi *Report* supaya kami dapat tahu apa Yang Berhormat buat di sana. Itu mesti, tapi sampai sekarang saya menunggu *Report* itu belum dapat lagi. (*ketawa*).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Inilah sebab saya ada cakap dahulu, saya sakit; sebab itulah saya tidak ada masa buat *Report* lagi. Lagi pun fail-fail bagi C.P.A. Conference are posted by sea. Saya belum dapat fail-fail lagilah, sebab itu saya tidak boleh buat apa-apa laporan lagi Datuk Speaker. Saya minta maaf tetapi saya ingat lesson ini *makes the life of Parliament and Assembly very lively*. Siapa ada apa-apa perkara dia boleh perbangkitkan di dalam Dewan

ini dan boleh bahaskan bolehkah diluluskan atau tidak boleh diluluskan.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, macam saya kata tadi kita pun ingin juga mahu tahu apa macam mereka menjalankan di sana supaya kita boleh belajar. Saya harap berhentilah setakat ini jika Yang Berhormat tidak ada perkara lain hendak dicakapkan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Ya, ini berkenaan study tour. Visit to Kenya ialah satu contoh sahajalah sebab apa kita ingat, kita boleh buat satu *study tour* pergi ke negeri lain supaya kita boleh tengok bagaimana parlimen-parlimen di dalam negeri lain buat kerja. Macam itulah.

Lagi satu contoh saya mahu beri tahu sebab itu satu contoh yang boleh sokong *study tour* yang saya mahu cadangkan. Satu contoh macam banyak negeri di dalam C.P.A. semua ahli-ahli adalah di dalam kerajaan tidak ada *opposition members*, macam di Singapura, tetapi dia assign certain members to act as Opposition members so that it makes the Assembly more lively. Inilah saya cadangkan. Saya harap Datuk Speaker sendiri boleh fikir bolehlah buat satu *study tour* supaya kita boleh *study* apa-apa *proceedings* di parlimen-parlimen di dalam negeri lain boleh buat.

Saya mahu beri sedikit *comment* berkenaan Kepada di bawah J.K.R. Ini satu peruntukan lebih-kurang \$7.5 juta saya haraplah J.K.R. bolehlah buat *study* baik-baik jikalau ia mahu buat kerja-kerja bagi rakyat. Saya ada dapat tahu ada satu jalan dalam Butterworth iaitu jalan Kampong Paya, ini satu jalan di dalam satu tahun sudah bikin tiga kali; satu kali dia bikin, in four months it is broken again. Then they start doing it again. So it was done three times a year. Inilah saya ingat kita buat *study* baik-baik macam apa kita boleh buat kerja bagi satu jalan macam ini. Ini satu contoh sahaja dan saya harap ini boleh J.K.R. jikalau buat apa-apa projek boleh *study* baik-baik macam-mana—ini saya minta atau buat satu cadangan sahajalah—jikalau satu ta-

hun satu jalan kita bikin tiga kali macam ini orang banyak susahlah.

Lagi satu contoh ialah kalau kita mahu *repair* satu jalan kita ingat kita mesti cover up *immediately* macam jalan Western Road dan Burma Road. Jalan itu sudah buka tetapi tidak *cover up* sudah beberapa lama—saya ingat lebih-kurang satu atau dua bulan. Inilah J.K.R. ada buat susah sedikit bagi orang. Selalu pagi-pagi kita mahu bawa anak-anak pergi ke sekolah, di sana ada *traffic jam* sebab tempat ini tidak *surfaced*. Kita mahu jalan macam U-turn baru boleh jalan. Inilah yang buat *traffic jam*. Saya haraplah kalau buat apa-apa kerja J.K.R. tentu mahu surface it efficiently and immediately and avoid traffic jams. Jikalau macam Magazine Circle kita mahu repair roads di sana. Di jalan ini, the traffic is very heavy. Jikalau kita repair dan kita tidak *cover up immediately* kita pun tidak tahu bagaimana kita boleh jalan. Inilah saya haraplah Tuan Pegawai dari J.K.R. boleh *study* sedikit berkenaan perkara ini.

Lagi satu perkara saya mau bangkitkan ialah berkenaan hutan dan pertanian. Kali ini saya pergi ke Mauritius to attend the C.P.A. Conference. Datuk Speaker pun tahulah jikalau pergi ke sana attend C.P.A. Conference selalu dia bawa pergi tengok negeri-negeri sana. Saya ada tengok di dalam Mauritius dia ada pekan bukan besar, banyak pekan-pekan kecil negeri saja.

Tuan Speaker: Tidak payah bawa kita sampai ke Mauritius.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya mahu beri cadangan kepada Kerajaan berkenaan dengan hutan dan pertanian.

Tuan Speaker: Yang Berhormat dari Bagan Jermal, saya faham. Itu sebab saya kata tadi mestilah buat satu *Report* supaya Ahli-ahli Dewan ini boleh tau.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How): Saya harap di dalam Negeri kita juga ada *forest* dan ada tanah. Di Mauritius sana, semua tanah-tanah dia bagi tanam tea, sugar

cane, fruits and so on and so forth. We hope di dalam Jabatan Hutan dan Pertanian kita bolehlah bekerjasama untuk *study* bagaimana kita boleh utalize the waste lands in our State—we have so many waste lands in our State so we hope we can learn from Mauritius how to use land fully and well. Saya ucapkan terimakasih kepada Datuk Speaker. Saya minta maaf keranaa terkeluar sedikit dari perkara yang asal.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.03 tengahari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.33 petang.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, di dalam perbincangan Anggaran Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, saya sukalah bersama-sama mengambil bahagian untuk membahaskan sedikit sebanyak sepertimana yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi.

Datuk Speaker, saya sukalah menyentuh sedikit iaitulah mengenai anggaran di dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam yangmana saya dapati dan saya berasa musykil sedikit. Datuk Speaker, dalam anggaran bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam ini saya dapati perbezaan yang begitu banyak kalau dibandingkan dengan kedai-kedai tuak; jadi inilah kalau dapat, diberikan sedikit ulasan atau penerangan yang lebih lanjut mengapakah anggaran itu begitu banyak perbedaannya kalau dibandingkan di antara kedai-kedai tuak dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam. Walaubagaimanapun Datuk Speaker, saya sungguh berharap kepada Pihak Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam kalau dapat, di dalam anggaran ini pada tahun 1977, kita meneliti semula ataupun mengkaji ke atas elaun-elaun yang dibayar kepada penyelia-penyelia Ugama dan juga penyelia-penyelia qariah yangmana saya dapati bayaran yang dibayar kepada penyelia-penyelia qariah dan juga penyelia ugama adalah tidak begitu menyenangkan hati kalau di-

bandingkan dengan kenaikan barang dan juga inflasi pada hari ini.

Datuk Speaker, menyentuh juga di dalam bahagian peruntukan Jabatan Parit dan Taliair, saya suka menarik perhatian kepada pihak Jabatan Parit dan Taliair bahawa keadaan sawah-sawah di mana pembekalan air pada masa sekarang ini, kalau kita perhatikan, adalah menjadi satu masalah yang besar bagi kalangan petani, terutama sekali Daerah Seberang Perai Utara dan juga Seberang Perai Tengah kerana di dalam Pulau Pinang ini, kalau kita perhatikan, inilah saja di antara daerah-daerah yang bolehlah dibanggakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah adalah satu kawasan pertanian yang mana patut diberi perhatian yang berat daripada usaha-usaha pertanian yang lain.

Apa yang saya telah menyentuhkan, Datuk Speaker, ialah mengenai perbekalan air ke sawah-sawah. Jadi sistem perbekalan air pada hari ini, kalau kita perhatikan, banyak masalah yang dihadapi oleh petani-petani kita terutama sekali mengenai pemberian air yang tidak sama musimnya. Sekarang ini boleh kita dapati di kawasan pertanian kita, penanaman padi ini tidak sama musimnya. Ada yang sedang bersawah, ada yang sedang menanam dan ada yang sedang menuai dan juga barangkali inilah juga sebab-sebabnya pengairan tidak begitu memuaskan. Jadi saya berharap, kalau dapat, dibuat kajian, bagaimanakah satu cara untuk kita adakan satu sistem pertanian iaitu menanam dan menuai padi yang ditanam itu sama keadaan musim di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Saya memang sedar Datuk Speaker, tentang tanah yang tidak begitu seimbang ataupun tidak begitu pamah di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain. Ini memanglah menjadi satu kenyataan—ada setengah-setengah tempat begitu tinggi dan ada juga tempat-tempat yang rendah. Jadi kalau 10 ekar tanah itu adalah tanah tinggi manakala tanah lain adalah tanah rendah, maka tanah tinggi ini tidak dapat bekalan air yang sempurna.

Jadi apakah yang patut dibuat kajian oleh Jabatan Parit dan Taliair untuk menyelaraskan keadaan yang begitu rumit dan menyulitkan petani-petani kita.

Di samping itu, Datuk Speaker, saya sungguhlah berasa bangga manakala Y.A.B. Ketua Menteri tadi membentangkan belanjawan dengan mengatakan pada tahun 1977 ini, sebanyak 10% daripada hasil taliair ini akan dikurangkan. Ini adalah satu perkara yang amat dibanggakan terutama sekali bagi tuan-tuan punya tanah dan juga petani-petani kita yang berada di Pulau Pinang ini. Datuk Speaker, pada tahun ini sepertimana yang kita semua maklum bahawa hasil pertanian kita pada tahun ini bolehlah dikatakan mendatangkan hasil yang begitu merosot sekali oleh sebab adanya binatang-binatang ataupun yang memusnahkan tanaman padi kita terutama sekali pada tahun ini. Saya dapat pengaduan bahawa petani-petani kita telah berusaha dan mengerjakan sawah pada tahun ini tetapi mereka itu terpaksa membeli beras kerana padi dan tanaman mereka diancam oleh "Cenangau", iaitu sejenis binatang yang sangat suka pada tumbuhan ataupun tanaman padi. Jadi saya suka juga menarik perhatian Jabatan Pertanian, dalam perkara ini patutlah mengadakan kajian bagaimana penyakit ini sangat merebak terutama sekali di kalangan daerah Seberang Perai Utara khususnya. Jadi, Datuk Speaker, masalah ini juga saya berharap, kalau dapat, pihak pertanian membuat kajian dan patutlah disalurkan juga apa-apa bantuan yang patut diberi kepada petani kita yang begitu malang sekali pada tahun ini.

Selain daripada itu, Datuk Speaker, memanglah satu kenyataan yang tak dapat kita nafikan iaitu sepertimana yang telah dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi di mana beliau telah mengucapkan tahniah kepada jabatan-jabatan di atas pekerjaan mereka yang begitu cekap yang telah dibuat bagi pihak Kerajaan. Saya juga sama-sama mengambil kesempatan di sini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada jabatan-jabatan Kerajaan

yang begitu cekap dan memuaskan. Tapi sungguhpun begitu, Datuk Speaker, masih ada lagi kita terima rungutan-rungutan daripada orang-orang-ramai iaitu mengenai kelemahan ataupun kelewatan daripada pihak Jabatan Kerajaan melayani surat-surat daripada orang-ramai ataupun daripada rakyat jelata. Ada kalanya surat-surat yang dikirim kepada Jabatan Kerajaan tidak dijawab dan tidak diberi apa-apa *acknowledgement* mengenai penerimaan surat-surat yang dikirim semenjak beberapa bulan. Inilah yang mendukacitakan dan kita berharap keadaan ini dapat diselesaikan dan dapat diawasi supaya rakyat dan orang-ramai dapat diberi layanan yang sewajarnya mengenai rayuan-rayuan dan juga surat-surat ataupun apa juga yang dihadapi oleh rakyat dan jabatan yang berkenaan.

Datuk Speaker, di dalam Anggaran ini juga saya mengalu-alukan ke atas peruntukan kepada Jabatan Pertanian tadi di mana kita berharap sangat-sangat Jabatan Pertanian ini akan dapat melipatgandakan hasil pertanian dan juga hasil tanaman kita.

Datuk Speaker, saya merasa sungguhpun perbincangan ini adalah mengenai perbincangan belanjawan tapi saya sukaiah menarik perhatian terutama sekali bagi pihak Jabatan Pertanian yangmana kita tahu pada hari ini iaitulah satu jenis padi yang digalakkan oleh Jabatan Pertanian kepada petani-petani kita iaitu sejenis padi yang dinamakan "Mat Candu". Jadi, Datuk Speaker, dalam masalah padi "Mat Candu" ini kalau kita perhatikan pada hari ini adalah satu jenis padi yang begitu baik yang memang mendapat perhatian bukan sahaja di Negara kita Malaysia ini bahkan benih padi ini telah dibawa ke luar-luar negeri sepertimana yang telah difahamkan iaitu di India, dan beberapa buah negeri lagi telah menggunakan jenis padi apa yang dinamakan "Mat Candu" yang telah diciptakan oleh Jabatan Pertanian. Maka ini adalah satu perkara yang patut kita beri pujian kepada Jabatan Pertanian yang telah dapat menciptakan satu jenis padi dan kita berharap pada tahun

ini bagi pihak Jabatan Pertanian ini dapat mengkaji pula dan dapat menelorkan ataupun menghasilkan percubaan-percubaan benih padi yang saya maksudkan tadi. Jadi, Datuk Yang di-Pertua, berhubung dengan benih padi yang saya sebutkan tadi juga di kalangan petani-petani kita pada hari ini sudah membuat satu rungutan atau pun keluhan mengenai apa yang dikatakan benih padi "Mat Candu" ini.

Saya sukaiah bawa sedikit cerita dalam Dewan ini iaitulah satu hasil ciptaan daripada seorang yang bernama Mat. Dia itulah yang tinggal di Seberang Perai—kalau tak silap saya Maklom ialah nama tempat ini. Mat ini ialah seorang petani. Yang sebenarnya dia bukanlah penghisap candu tetapi dia adalah seorang yang kurus yang seolah-olahnya dia menghisap candu. Dialah yang menciptakan dan menghasilkan dari campuran-campuran dari benih padi tadi dan akhirnya telah menjadikan satu mata benih yang paling begitu popular sekali pada hari ini yangmana saya berharaplah pihak Jabatan Pertanian atau pun pihak peladang-peladang kita sendiri memberilah penghargaan kepada Si Ahmad, yang dinamakan Si Ahmad Candu tadi yang masih hidup dan keadaan hidupnya di hari ini adalah menderita. Dan baru-baru ini pula, Datuk Speaker, anaknya telah mendapat kemalangan dan maut dan inilah anak laki-laki di mana dia bergantung harap. Saya berharap di dalam anggaran kita pada tahun ini, kalau dapat, kita memberi perhatian dan mengengankan sedikit di atas jasa-jasa Mat. Padi yang dinamakan Mat Candu ini pada hari ini satu jenis padi yang begitu besar nilainya bagi Negara kita.

Datuk Speaker, di dalam anggaran-anggaran yang telah dibentangkan tadi kita sungguhlah berasa gembira yangmana pada tahun 1977 ini Negeri Pulau Pinang akan mendapat kejayaan yang cemerlang sekali bila hendak membentangkan atau pun melaksanakan projek-projek ataupun peruntukan-peruntukan yang telah diperuntukkan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan. Di samping itu juga kepada Ja-

batan-jabatan dan Badan-badan Berkanun bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diberikan peruntukan-peruntukan seumpama L.P.K.T., Pihak Berkuasa Air dan sebagainya kita berharaplah dengan peruntukan yang diberi itu pada tahun ini seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang khususnya akan mendapat layanan-layanan dan faedah-faedah yang begitu besar sekali bagi kalangan rakyat kita.

Di samping itu, Datuk Speaker, saya sukaiah menarik perhatian juga supaya Badan-badan Berkanun ini dapat memerhatikan di atas harta-benda mereka. Umpamanya, Datuk Speaker, saya sukaiah menunjukkan satu contoh di dalam Dewan ini iaitu saya rasa musykil dan berasa tidak begitu senang hati manakala jalan yang dipunyai oleh P.B.A. daripada Bumbung Lima ke Ampang Jajar, Rantau Panjang pada hari ini adalah satu jalan yang khususnya digunakan oleh Jabatan atau pun Pihak Berkuasa Air untuk kegunaan kereta-kereta ataupun kenderaan pegawai-pegawai dan juga kereta-kereta untuk kegunaan bagi faedah Ampang Jajar daripada Rantau Panjang ke Bumbung Lima. Tetapi apa yang mendukacitakan saya pada hari ini, Datuk Speaker, ialah jalan ini telah dibiarkan oleh pihak yang berkenaan dan digunakan oleh pihak-pihak swasta, pada hal jalan ini ialah *private road* khususnya untuk Pihak Berkuasa Air. Jalan ini sedang digunakan oleh lori-lori yang begitu berat lima, enam tan yang melalui jalan P.B.A. yang kebetulan jalan ini dibuat di atas ban bagi pihak Jabatan Parit dan Taliair. Jadi beginilah keadaannya Datuk Speaker, yangmana patut kita menjaga dengan halus dan mengawasi di atas tiap-tiap perkara ataupun apa juga harta-harta untuk menjimatkan dan menjaga kedudukan kewangan Negeri kita.

Jadi, Datuk Speaker, saya rasa di dalam perbahasan ini hanya setakat inilah saja. Diucapkan terima kasih dan saya pohonkan maaf.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy): Datuk Speaker, berkenaan dengan Rang Undang-Un-

dang ini saya merujuk kepada Appropriation di bawah Kepala B. 9 berkenaan dengan kedai-kedai tuak yang jumlahnya sebanyak \$917,350. Wang ini banyaknya lebih daripada Kepala B. 11—Hal Ehwal Ugama—yangmana adalah hanya sebanyak \$403,600 dan Kepala B. 12—Kebajikan Masyarakat—sebanyak \$610,330 sahaja.

Nampaknya Anggaran Belanjawan sebanyak \$917,350 ini akan menghasilkan anggaran pendapatan sebanyak \$250,000 sahaja. Ini bermakna perkhidmatan ini menelan belanja sebanyak \$667,350.

Tambahan pula, jumlah besar perbelanjaan meningkat daripada \$895,240 kepada \$917.350 yang menunjukkan \$22,110 lebih dalam tahun 1977. Perbelanjaan ini tidak dapat tidak akan membesar dari tahun ke tahun. Ini pada pendapat saya sungguh memeranjatkan.

Datuk Speaker, kedai-kedai tuak adalah pesaka ketinggalan zaman penjajah dan takjublah yang keadaan ini masih kekal lagi di hari ini, apa lagi meluas pula di Negara Malaysia yang serba maju ini.

Saya dari itu merayu kepada pihak Kerajaan Negeri supaya memandang berat atas masaa'lah yang rumit ini dan menyiasat akan kesan-kesan buruk dan baik tabiat minum tuak yang nyata adalah terbatas kepada setengah-setengah golongan yang berpendapatan rendah yang leka berseronok atas perongkosan para pembayar cukai.

Datuk Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam Bahasa Inggeris.

Datuk Speaker, I refer to the Appropriation under Head No. B. 9 for Toddy Shops, amounting to \$917,350. This figure is very much larger than Head B. 11 (Religious Affairs) and Head B. 12 (Social Welfare), which are only allotted \$403,600 and \$610,330 respectively.

Under Head No. B. 9, it will be seen that the estimated expenditure of \$917,350 will only derive an estimated income of \$250,000. This means that it costs \$667,350 to subsidise the supply of toddy.

Tuan Speaker, the comparison which I have drawn in the Appropriation shows to the people the shallow and rather lop-sided allocation of funds by the State Government which do not seem to appropriate priorities for the State. I have yet to find a State in any country which gives such priority and importance to allocation of public funds for toddy shops rather than for Social Welfare or even for Religious Affairs.

Furthermore, under Head B. 9 the grand total estimated expenditure will rise from \$895,240 this year to \$917,350 next year, which shows an increase of \$22,110.

This expenditure is bound to increase from year to year, and will eventually reach the million-dollar mark, which the tax-payers will have to shoulder.

My opinion is that toddy shops should not be subsidised by public funds. Such money that is being directed to toddy shops should be utilised for Social Welfare, Religious Affairs or for slum clearance, or for any other purpose which would benefit the general public.

I wish to lodge my strongest objection to the appropriation under Head B. 9, and I hope that the Honourable Chief Minister would withdraw this particular appropriation for reconsideration by the State Government.

Toddy shops are legacies of the colonial days, and it is a wonder that this state of affairs is still in existence, and is even encouraged by subsidies, in our progressive Malaysia.

Perhaps the Federal Government and the State Government should review their policies on toddy shops and also look into the question whether they should at all be subsidised, as is happening in this appropriation before us with an alarming figure of subsidy.

Datuk Speaker, I would like to place on record here that I am NOT against toddy drinking by those who are indulging in it. I am not judging them or their habits. What I am against is the use of public funds raised from

tax-payers to subsidise toddy shops and the drinking of toddy by a few at the expense of tax-payers.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan ini berkenaan dengan perkara pembangunan. Di samping itu saya rasa ada juga perkara-perkara yang tidak memuaskan hati iaitu dalam pengurusan. Jadi di sini, berkenaan dengan J.K.R. saya suka menarik perhatian bahawa banyak sungutan dari kampung-kampung berkenaan dengan parit.

Tuan Speaker: Bolehkah bercakap kuat sedikit?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Berkenaan dengan parit adalah satu masalah di kampung-kampung, nampaknya lebih-lebih lagi di musim banjir yang sering sekali berlaku, jadi kebanyakan parit itu dikatakan tidak dapat peruntukan pada masa yang lalu dan menyebabkan parit-parit banyak terkambus.

Selain daripada itu ialah berkenaan dengan Jabatan Hakmilik misalnya, ada sungutan dari orangramai bahawa kuasa yang pernah dikemukakan kepada Jabatan itu mengambil masa sampai tiga tahun, empat tahun setengah, dan setengahnya lima tahun, enam tahun tidak selesai. Jadi ini diharaplah mendapat perhatian pihak Kerajaan supaya kemudahan-kemudahan ataupun cara-cara yang tertentu dipercepatkan kerana dengan sebab perkara kuasa itu tidak berhasil dengan segera maka Akta Penanaman Padi yang telah ditaja oleh Kerajaan itu tidak dapat dilaksanakan; maka dengan sebab tak dapat dilaksanakan Akta Penanaman Padi ini, banyaklah orang yang tanam padi itu mendapat kesulitan dan sebagainya. Kita berterima kasih kepada Kerajaan yang telah menurunkan hasil tanah dan cukai taliair tapi pihak penanam padi tidakpun berhasil di dalam penurunan cukai hasil tanah dan cukai taliair itu kerana sewa masih berterusan macam-mana yang sedia. Jadi saya tidak memaksudkan bahawa semua penguasa-

penguasa tanah itu telah bertindak dengan tidak bertimbangrasi tapi ada sebahagian telah bertindak secara tidak insaf dengan kerana mereka itu menegenipikan Akta Penanaman Padi. Kalau hendak dijalankan Akta Penanaman Padi itu mereka tidak boleh buat melainkan kalau Tanah itu didaftarkan atas nama penyewa dan kalau Tanah pusaka tidak dapat dilakukan perjanjian di bawah Akta tersebut.

Satu perkara lagi saya suka menyokong apa yang telah ditimbulkan oleh saudara saya, Wakil Penaga, iaitu berkenaan dengan perkara tidak dapat disamakan Jadual tanaman padi, maka kalau tidak dapat disamakan Jadual tanaman padi itu, maka tikus mengambil kesempatan bermaharajalela hingga banyaklah kerosakkan berlaku. Saya harap Jabatan Pertanian, hendaklah kerjasama dengan Jabatan Penerangan menghebahkan kepada orang-orang kampung. Jadual tanaman padi yang ditetapkan itu sekalipun penanam-penanam padi tahu tapi kalau tidak dihebah tentang untung ruginya cara menanam dahulu-kemudian itu maka mereka itu tidak memberi perhatian, masing-masing suka tanaman padi mengikut pendapatnya sendiri kerana hendak menghindarkan bahaya. Jadi oleh kerana hendak menghindarkan dari bahaya sehingga tanaman padi itu telah terkeluar daripada musimnya. Sekarang di Daerah Tengah masih ada orang yang belum tanam lagi, pada hal sudah bulan duabelas, iaitu sudah lewat; jadi dengan sebab itu pihak Kerajaan patut memberi perhatian dalam perkara ini dan saya telahpun pernah bertukar fikiran dengan setengah orang-orang dan mereka pun bersetuju supaya Kerajaan mengambil tindakan terhadap orang-orang yang lewat menanam padi itu supaya menyelamatkan orang lain.

Datuk Yang di-Pertua, ada satu lagi perkara yang saya hendak timbulkan di sini berkenaan dengan pentadbiran, iaitu bahawa Majlis Tindakan Daerah di mana pernah berlaku bahawa satu perkara yang dibawa kepada Majlis itu sampai dua tahun tidak boleh selesai. Jadi inilah satu masalah yang

menjadikan orang-orang ramai bosan ataupun tidak puas hati, misalnya satu kes dibawa ke sana, pejabat ini nafikan tanggungjawabnya pejabat lain pula kata bukan tanggungjawabnya hingga berlanjutan begitulah halnya dan mengambil masa yang panjang, dan setelah berlarutan barulah dapat diselesaikan, dan ada yang tidak dapat diselesaikan.

Oleh kerana pihak-pihak jabatan yang diwakilkan dalam Majlis Tindakan Daerah itu ialah pegawai-pegawai yang tidak berkuasa jadi mereka tidak dapat buat satu keputusan. Jadi ini adalah merugikan masa. Sepatutnya, wakil-wakil yang hadir dalam Majlis Tindakan itu ialah wakil yang berkuasa memberikan kata-kata yang putus atau memberi satu-satu persetujuan yang tertentu, tapi kadang-kadang wakil yang hadir itu tidak tahu apa yang telah berlaku di dalam Jabatannya atau dengan jawapan yang telah diberi dalam minit itu. Maka inilah perkara-perkara yang saya berhasrat timbulkan di sini supaya mendapat perhatian Kerajaan.

Tuan Speaker, terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Datuk Speaker, terlebih dahulu izinkan saya mengambil bahagian dalam ucapan Anggaran Belanjawan yang akan dibuat pada hari ini dan saya menyokong dengan sepenuhnya Anggaran Belanjawan yang dibuat pada tahun ini.

Datuk Speaker, saya bersetuju dengan ucapan Y.A.B. Ketua Menteri kita mengucapkan terimakasih kepada semua Jabatan-jabatan Kerajaan terutama sekali kerja kuat oleh Pegawai-pegawai Daerah yang telah menjalankan kerjanya masing-masing pada pagi, petang, siang dan malam.

Datuk Speaker, pada tahun 1977, dengan anggaran yang disediakan oleh Kerajaan pada tahun ini, saya yakin penuh Jabatan Kerajaan dan juga agensi Kerajaan akan dapat menjalankan kerjanya dengan lebih pesat dan lebih memuaskan.

Datuk Speaker, saya suka lah menyentuhkan berkenaan dengan Jabatan

Parit dan Taliair. Datuk Speaker, Jabatan Parit dan Taliair ini telah melancarkan rancangan-rancangan bagi faedah rakyat terutama sekali kaum-kaum tani. Di samping melancarkan rancangan-rancangan ini, saya sukaiah menarik perhatian pihak Jabatan Parit dan Taliair ini kepada beberapa perkara untuk kebaikan masa hadapan rakyat di Negeri ini, khasnya Pulau Pinang.

Datuk Speaker, apa yang kita ketahui dan apa yang dapat diikuti daripada rungutan rakyat bahawa pelancaran yang telah dilaksanakan pada tahun yang lalu agak kurang memuaskan, terutama sekali batas-batas parit taliair yang ada di Seberang Perai Tengah itu tidak dijaga dengan baik-nya, bahkan tidak dicuci dengan sempurna. Tempat-tempat inilah yang menjadi sarang tikus dan tikus pun beranak-pinak di dalam parit-parit taliair ini. Jadi kita yakin penuh Jabatan Parit dan Taliair sentiasa mengawasi parit-parit dan sentiasa dicuci segala rumput-rumput yang membiak di kiri kanan parit supaya dijauhi daripada tikus ini bersarang dan beranak-pinak. Apa yang kita tahu bahawa penjaga-penjaga parit ini hanya mencuci di sebelah dalam parit sahaja tapi di sebelah luar, di sebelah bendang tidak dicuci. Dengan itu pihak orangramai sentiasa merungut supaya perkara ini dapat dibaiki dan dapat disempurnakan.

Yang kedua, Datuk Speaker, saya suka jugalah menarik perhatian berkenaan dengan parit taliair yang ada di Daerah Seberang Perai Tengah juga. Parit-parit ini bilamana musim bendang ada setengah-setengah pintu-pintu air tidak dijaga dengan lebih sempurna, kadangkalanya sampah-sampah tersumbat dan air melimpah dan orang-orang di bawah daripadanya tidak dapat air dengan sempurna. Jadi ini patutlah juga Jabatan Parit dan Taliair mengkaji semula dan memerhatikan dengan sesungguhnya supaya dapat dialirkan air ke bendang-bendang atau dapat disamakan. Saya setuju dengan apa yang telah disarankan oleh wakil Penaga tadi bahawa jika petani tidak dapat menjalankan

penanaman padinya dengan keadaan yang sama mungkin musuh akan lebih banyak dan akan merosakkan tanaman kita. Ini akan mengurangkan pendapatan Negeri Pulau Pinang ini khasnya dalam bidang pertanian.

Yang Ketiga, Datuk Speaker, berkenaan dengan ikan-ikan darat yang ada di dalam bendang, jadi patutlah juga pihak Perikanan Negeri Pulau Pinang menjaga dan mengawasi supaya ikan-ikan darat yang masih ada dan masih boleh dibiakkan di dalam Negeri Pulau Pinang dapat dibiakkan kerana kita di sini sangat berkurangan ikan. Dengan kemudahan racun-racun padi di dalam bendang ini yang boleh memusnahkan ikan-ikan yang ada di dalam bendang-bendang, paya-paya dan juga di dalam tali-taliair ini, maka ikan-ikan akan hilang pada masa akan datang. Jadi pihak Jabatan Perikanan patutlah mengkaji segala penggunaan racun-racun serangga yang digunakan di dalam bendang itu.

Datuk Speaker, saya ingin menyen-tuh kepada Jabatan Kerja Raya. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Kerja Raya yang telah menjalankan kerja-kerjanya pada tahun 1976 yang lalu, dan suka saya menarik perhatian Jabatan Kerja Raya ini supaya pada tahun 1977 ini dapat dijalankan tugas-tugas mereka dengan lebih sempurna kerana Pihak Kerajaan telah menguntukkan wang lebih daripada \$7 juta. Apa yang kita ketahui, Tuan Speaker, di dalam kawasan saya terutama sekali daripada Kubang Ulu hingga ke Lunas, parit-parit di tepi jalan itu tidak dijagai dengan lebih sempurna dan parit-parit ini juga telah terkambus dan tidak dikorek semula. Ini boleh menjadi satu bahaya dalam musim tengkujuh kerana air tidak dapat mengalir dengan sempurna. Saya setuju sungguh dengan apa yang disarankan oleh Wakil Penaga mengatakan jika parit ini tidak dijaga mungkin banjir akan me'anda kampung-kampung yang paritnya tidak dicuci. Jadi dengan sebab itulah saya yakin bahawa pada tahun 1977 ini pihak Jabatan Kerja Raya akan dapat mem-baiki keadaan ini dengan lebih sempurna lagi.

Datuk Speaker, saya menarik perhatian jugalah bahawa Jabatan Kerja Raya ini bila diberi tugas untuk menjalankan atau untuk mengadakan sebuah titi dan sebagainya—ada kadangkala keadaan ini telah pun disediakan dengan wangnya sekali—bila diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk membangunkannya tetapi perkara ini dilambat-lambatkan. Misalnya saya suka menarik perhatian Tuan Speaker, bahawa titi Labuh Banting yang telah diperuntukkan wang pada bulan Februari, 1975, tidak dapat dijalankan lagi. Apakah sebab yang menghalangkannya tidaklah kita ketahui. Dari tahun 1976 sampai ke hari ini tidak dapat disudahkan. Jadi sebuah titi yang kerjanya tak sampai \$20,000 memakan masa sampai 2 tahun. Jadi ini pihak orangramai atau pihak rakyat telah menuduh terutama sekali Wakil Rakyat kerana Wakil Rakyat tidak bertindak supaya keadaan ini dapat dipercepatkan. Jadi itulah apa yang saya harapkan pihak Jabatan Kerja Raya dan Kerajaan juga supaya dapat tiap-tiap projek yang mana telah diluluskan pada tahun ini bagaimana sekali pun hendaklah dijalankan pada tahun itu juga.

Datuk Speaker, saya sukalah juga menyentuh satu lagi perkara iaitu berkenaan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan saya bersetuju sungguh dengan apa yang diucapkan oleh Wakil Penaga tadi bahawa peruntukan yang diuntukkan kepada Jabatan Ugama pada tahun ini adalah sangat kecil. Memandang kepada tahun-tahun yang lalu kita peruntukkan sebanyak \$341,530, tapi tahun ini ialah sebanyak \$403,600. Jadi peruntukan ugama ini boleh kita katakan satu peruntukan yang patut dibesarkan kerana Jabatan Ugama ini dapat mengembangkan sayapnya bagi mempengaruhi rakyat menentang anasir komunis dan sebagainya atau memberi dakwah supaya orangramai menguatkan perkara-perkara ugama, dan dengan ini saya rasa pengaruh-pengaruh yang lain tidak dapat masuk kepada rakyat di dalam Negeri ini khasnya Negeri Pulau Pinang.

Datuk Speaker, saya suka menarik perhatian kepada perlantikan-perlanti-

kan. Kita semua sedia maklum akan apa yang kita perhatikan di dalam Budget kita ataupun Anggaran Belanjaan kita bahawa pihak Jabatan Ugama telah pun membuat keputusan untuk melantik pegawai-pegawai seperti berikut:

- (i) Pegawai Pencegah Maksiat
- (ii) Pegawai Penerangan Ugama, dan
- (iii) Pegawai Hal Ehwal Ugama Wanita.

Saya rasa perlantikan ini belum dibuat lagi dan saya yakin penuh perlantikan ini akan dibuat pada tahun 1977 ini bagi dilaksanakan. Saya yakin penuh pada hari ini rakyat di Negeri Pulau Pinang terutama sekali tertanya-tanya bilakah maksiat di dalam Negeri Pulau Pinang ini, khasnya bagi orang-orang islam, dapat dihindarkan atau dikurangkan dan mereka yakin bahawa dengan perlantikan seorang Pegawai Pencegah Maksiat ini dapatlah pegawai-pegawai ini bertindak dan dapat mengurangkan maksiat terutama sekali di Negeri Pulau Pinang ini. Dan begitu juga pegawai-pegawai penerangan ugama, dengan adanya yunit penerangan ugama ini maka dapatlah pihak rakyat memahami ajaran-ajaran ugama dengan lebih sempurna lagi.

Yang keempat, Datuk Speaker, saya sukalah mengalih kepada pelajaran ugama bagi rakyat. Di dalam Jabatan Ugama kita ada penyelia-penyelia dan guru-guru ugama bagi kelas-kelas ugama yang ada di Seberang Perai ini. Saya sukalah menggesa Jabatan Ugama supaya pelajaran Ugama diperluaskan di mana-mana tempat di mana mereka ingin dan hendak mempelajari ugama dan bukannya guru-guru ini ditempatkan di kelas-kelas kemas sahaja. Di mana-mana sahaja ada penuntut-penuntut yang ingin mempelajari ugama patutlah pihak Jabatan Ugama memberikan supaya dapat diluaskan.

Menyentuh kepada Perancang Bandar dan Kampung, Datuk Speaker, saya sangatlah tertarik hati dengan peruntukan yang diberikan kepada Perancang Bandar dan Kampung, tetapi Datuk Speaker, di dalam melaksanakan rancangan ini saya ingin menyeru supaya Perancang Bandar Kampung ini janganlah lupa pada pekan-pekan

kecil yang ada di seluruh Pulau Pinang/Seberang Perai ini supaya dimajukan dan diaturkan langkah menempatkan Bumiputra untuk mengambil bahagian belajar di dalam bidang perniagaan dan mencari rezeki dan menambahkan pendapatan. Dan juga pekan-pekan kecil patutlah diperelokkan dan patutlah diberi kemudahan parit yang sempurna, tempat membuang sampah yang sempurna dan juga lain-lain kemudahan-kemudahan. Saya suka lah menarik perhatian Dewan ini, Datuk Speaker, supaya Perancang Bandar dan Kampong mengadakan satu peruntukan bagi memperbaiki parit yang ada dekat Padang Menora yang pada masa ini sangat uzur dan tidaklah dapat air mengalir dengan sempurna. Itulah saja, Datuk Speaker, ucapan yang dapat saya bentangkan di dalam perbahasan Belanjawan Negeri Pulau Pinang dan saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada Datuk Speaker kerana mengizinkan saya memberi ucapan.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff): Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin mengambil bahagian sedikit di dalam perbahasan Peruntukan Belanjawan tahun 1977. Yang pertama sekali di bawah Kepala 10 B, bahagian kesesakan jalan di bandar Bayan Lepas. Sepanjang yang saya tahu, pada masa ini jalan yang di tengah-tengah pekan Bayan Lepas pada anggapan saya sangatlah sesak dan sibuk terutama sekali pada waktu sebelah pagi dan juga masa pukul 3 petang kerana jalan itu begitu sempit; jadi lalu lintas agak sangat bahaya. Saya berharap bagi pihak J.K.R. haruslah mengambil perhatian membuat satu jalan lain supaya jalan ini dapat dilalui dengan satu hala sahaja. Jadi bolehlah dapat, kalau saya berikan sedikit pandangan iaitu di sebelah pekan Bayan Lepas, haruslah buat jalan satu hala jadi kenderaan yang akan pergi ke bandar boleh melalui jalan satu hala manakala kenai-kan yang akan pergi ke Bayan Lepas dan Balik Pulau melalui jalan yang lain. Saya berharaplah perkara ini dapat pihak J.K.R. mengambil satu perhatian sebelum terjadi atau sebelum berlaku

kemalangan pada penduduk-penduduk di kawasan ini.

Yang kedua, saya suka mengambil bahagian di atas Kepala B. 5 dalam bahagian Parit dan Taliair. Di atas pecahan Kepala 62 ada menyebutkan rancangan saliran untuk penukaran di kawasan perairan Sungai Burung dan Sungei Pinang. Saya tidak berapa jelas bagaimanakah rancangan saliran untuk penukaran ini. Setahu saya penduduk-penduduk di kawasan ini telah merayu kepada pihak Jabatan Daerah Balik Pulau supaya kawasan ini ditukarkan daripada tanaman padi kepada tanaman kelapa, nenas dan koko. Jadi saya suka lah mendapat penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri kita bagaimanakah cara saliran penukaran ini supaya dapat disesuaikan dengan kehendak penduduk-penduduk di kawasan ini.

Yang ketiga, saya suka mengambil bahagian atas perkara di bawah Kepala B. 9 berkenaan dengan "Kedai-kedai Tuak". Mengikut kehendak dan gesaan daripada penduduk-penduduk di kawasan Balik Pulau dan saya bukanlah sebagai anti tuak, kerana kita tahu kedai tuak yang selama ini adalah banyak pelanggannya dari kaum India, tetapi pelanggan-pelanggan yang ada di kedai tuak Balik Pulau, pada hari ini bukan dari orang-orang India bahkan adalah daripada orang-orang Cina dan orang-orang Melayu. Mengikut anggaran perbelanjaan yang dicadangkan dalam Anggaran ini, pihak kedai-kedai tuak berkehendakkan wang masuk juga, tetapi pada anggapan saya kedai tuak Kerajaan yang ada di Balik Pulau ini tidak menguntungkan. Haruslah pihak Kerajaan mengambil perhatian di atas kedai ini. Pada cadangan saya, saya minta kedai ini ditutupkan kerana mengikut kira-kira saya, pada sehari tidak sampai pun 10 gelen yang laku di sini—barangkali modalnya keluar lebih dan Kerajaan akan rugi. Jadi lebih baik kedai ini ditutupkan dan tempat dan tanah ini digantikan dengan membuat satu projek lain seperti mendirikan gerai-gerai untuk Bumiputra dan lain-lain membuat latihan dalam segi perniagaan. Ini adalah pada kira-kira saya menguntungkan daripada

kedai tuak yang pada hari ini merugikan pada pihak Kerajaan.

Dan yang akhirnya saya suka menempuhkan dalam Bahagian Kepala B. 12 iaitu bahagian "Kebajikan Masyarakat". Saya berharap pihak Kerajaan dapat memberi satu pertimbangan dan memberi pertolongan khasnya pada rakyat yang ditimpa kemalangan, umpamanya, kemalangan kebakaran rumah dan rumah ditimpa pokok-pokok kelapa atau lain-lain pokok. Jadi dalam masa ini biasanya peruntukan-peruntukan bantuan-bantuan yang diberi kepada rakyat-rakyat yang kena kemalangan kebakaran atau rumah yang ditimpa pokok kelapa ini agak selalu lewat dan menyusahkan serta mendukacitakan bagi pihak yang kena kemalangan itu. Jadi saya merayu dan kita berharap pada Kerajaan seberapa segera supaya dapat memberi seberapa cepat bantuan-bantuan kepada mereka-mereka yang kena kemalangan umpama kebakaran atau ditimpa pokok-pokok kelapa itu.

Sekianlah, dan akhirnya saya ucapkan terima kasih dan menyokong atas anggaran belanjawan yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, saya cuma ingin menjawab tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli daripada Bagan Jermal walaupun perkara ini tidak patut dibangkitkan dalam perbahasan ini. Perkaranya yang pertama ialah berkenaan dengan jalan Kampong Paya di Butterworth. Jalan ini bukanlah diperbaiki tetapi diluaskan dan bagi permulaannya parit-parit yang ada sekarang ini dibesarkan selepas itu tepi-tepi jalan itu diluaskan juga.

Perkara yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli yang tersebut adalah berkenaan dengan jalan-jalan di Pulau Pinang ini, khasnya di Tanjung. Pada masa sekarang kuasa berkenaan dengan jalan-jalan yang lain ialah dipegang oleh L.P.K.T. Oleh sebab itu Jalan Western, Jalan Burmah, Jalan Transfer dan juga Jalan Scotland ialah yang diperbaiki oleh L.P.K.T.

Jalan-jalan ini bukanlah jalan-jalan yang dianggapkan sebagai jalan-jalan Kerajaan Negeri.

Perkara yang ketiga, di Pulau Pinang ini kita adakan 435.2 batu yang dianggapkan sebagai jalan Negeri yakni 'State road' dan gran daripada Pusat adalah sebanyak \$5,000 pada satu batu dan Jabatan Kerja Raya sudah membuat rayuan kepada Kerajaan Pusat yakni khasnya kepada National Finance Council supaya peruntukan ini ditambah lagi menjadikan \$8,000 pada satu batu dalam setahun.

Akhirnya, Datuk Speaker, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli daripada Sungai Dua dan juga dari Penanti yakni berkenaan dengan parit-parit di kampung-kampung. Perkara ini pun telah dibincangkan banyak kali dalam Jawatankuasa Kerajaan Negeri dan yang menjadi satu masalah ialah berkenaan dengan kuasa jalan-jalan. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang dikaji dengan teliti oleh Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut dan tindakan akan diambil tidak lama lagi.

Berkenaan dengan jambatan Labuh Banting yang dibangkitkan oleh Ahli daripada Kawasan Penanti, apa yang saya telah difahamkan ialah tidak ada peruntukan untuk tahun ini atau pun untuk tahun akan datang walaupun perkara ini akan disiasat dan diambil tindakan tidak lama lagi.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar): Tuan Speaker, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Penaga dan juga dari Kawasan Penanti yang telah pun melahirkan berkenaan dengan bahaya padi atau bahaya tanaman padi khususnya di mana telah disebutkan berkenaan bahaya kerosakan daripada tikus. Jadi untuk penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu, sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha untuk memusnahkan tikus-tikus yang telah dilahirkan atau disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu peruntukan sebanyak \$39,000 dalam tahun 1976.

Ada dua cara untuk memusnahkan tikus. Satu ialah cara buruan tikus melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang mana tiap-tiap seorang peserta yang mengambil bahagian dalam gotong-royong memusnah tikus mendapat 0.50 sen dan tiap-tiap peserta yang pergi memburu tikus 0.03 sen. Jadi itu cara yang pertama. Cara yang kedua adalah buruan tikus melalui urusan Pegawai Daerah dalam tiap-tiap Daerah dalam Negeri Pulau Pinang. Itu sahajalah penjelasan secara ringkas yang dapat saya memberi kepada Ahli Yang Berhormat.

Ketua Menteri: Tuan Yang di-Per-tua, saya ucapkan berbanyak terima kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam bahasan Rang Undang-undang Perbekalan tahun depan, tahun 1977 dan seterusnya saya berjanji apa-apa perkara yang telah membangkit Kerajaan bolehlah mengambil perhatian iaitu mengenai Belanjawan untuk pembangunan. Saya sendiri ingat dan harap semua saudara-saudara Ahli Yang Berhormat boleh faham Kerajaan Negeri sediakan bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri boleh bekerja lebih rapat dengan Kerajaan dan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Untuk menjalankan projek-projek yang di bangkitkan dalam tahun 1977 sendiri tak payah lagi ditunggu lain-lain masa. Tetapi pertama sekali mengikut prinsip-prinsip yang ada di dalam Anggaran yang kita bahaskan ialah di bahagian ini yang mana kita bahaskan Rang Undang-undang Bekalan. Apa yang kita kaji ialah perkhidmatan yang sungguh tekun dan tegas di dalam Negeri ini dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli yang menyokong saya. Saya berucap terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang kita ada di dalam Negeri kita sebablah nampak saya kalau Ahli-ahli yang mewakili rakyat Negeri Pulau Pinang boleh sungguh kerja rapat dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang kita ada di dalam Negeri ini saya nak harap rakyat di hari depan yang lebih baik. Jadi tak payahlah

saya bawa bahas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Bagan Jermal sebab saya ingat beliau tidak berapa faham apa yang kita bahas dan pertimbangkan pada masa sekarang, tapi berapa perkara-perkara yang beliau bawa saya ingat ada dilakukan bilalah kita bahas Anggaran Pembangunan, misalnya berkenaan dengan masalah perumahan. Kerajaan sedar bahawa pentadbiran hendaklah diperbaiki lagi dan Kerajaan sedang mengkaji pembentukan sebuah badan untuk menjalankan pentadbiran ini dengan cara yang lebih *effective*. Untuk sementara waktu jawatan Penolong Pengurus Perumahan, Tingkatan II, dan satu jawatan Kerani akan diwujudkan dalam tahun 1977.

Berkenaan dengan penambahan hasil daripada pemberian Kerajaan Persekutuan, penambahan hasil pemberian mengikut Bilangan Kepala ialah disebabkan kajian semula cara pemberian ini. Dengan kadar baru Kerajaan Negeri akan mendapat hampir \$1 juta tambahan. Rakan saya telahpun memberitahu tadi pemberian untuk jalan-jalan ialah \$5 ribu setahun.

Nampak saya di dalam bahasan, satu perkara besar sekali ialah perkara kedai-kedai tuak, tetapi warna atau *colour* perbahasan daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota adalah sedikit tak serupa dengan apa yang dibahas oleh Yang Berhormat dari pihak Barisan Nasional. Sebab itu saya menjawab dahulu perkara ini oleh Yang Berhormat Ahli Barisan Nasional sebab Kerajaan Negeri selalu mengkaji masalah kedai tuak dan juga masalah Hal Ehwal Ugama. Kedua-dua ini pun ada sangkut sedikit, tetapi yangmana disangkut ialah sungguh di dalam tahun depan. Anggaran yang kita sediakan adalah besar sedikit sebablah Kerajaan telah pun mendapat rayuan daripada pihak-pihak mana-mana yang hendak pindah ataupun hendak tutup kedai-kedai tuak yang ada dan kita sedia pindahkan kedai-kedai tuak kepada tempat lain untuklah orang-orang Muslim yang tidak puas hati dengan kedai-kedai yang ada sekarang. Tetapi hari ini saya harapkan Yang Berhormat Ahli-ahli di Dewan

ini pertimbangan dengan teliti sekali bagaimana Kerajaan Negeri telah menjalankan Anggaran yang kita ada di hadapan kita. Dalam ucapan saya, kata saya *the average* yang jabatan-jabatan yang kita ada telah menaikkan anggaran-anggaran peruntukan tahun 1977 ialah hingga sampai lima atau tujuh peratus tetapi anggaran bagi jumlah bagi peruntukan untuk tahun 1977 untuk Jabatan Hal Ehwal Ugama ialah naik sebanyak 18 peratus. Sungguh pun kenaikan peruntukan tahun ini tidak sampai atau anggaran jumlah besar tidak naiknya sampai 1%. Yang kedua, kalau nak menimbang dengan perbelanjaan kedai tuak, sungguh jumlahnya besar tetapi naik 2.4% sahaja untuk jumlah wang. Jadi saya haraplah kita pertimbangkanlah macam ini dan saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bolehlah terima sungguh-sungguh, Kerajaan Negeri mengambil perhatian berat dan tindakan berat yang lebih untuk Jabatan Hal Ehwal Ugama daripada kedai tuak.

Dengan izin, Tuan Speaker, I would like to assure the Honourable Member from Pengkalan Kota that the Government's preparation of this Budget is not shallow or superficial. The Government tries, on every occasion, to provide for development bringing benefit to our people. I had already explained earlier on how, in considering the provision for the Budget, we look at the weight which Government provides for increases. If we look at the provision of the Budget a little bit more carefully, as I said just now, we will realise that in actual fact the increase provided for, for the Department of Muslim Affairs, is in the region of 18 per cent whereas the increase for the toddy shops is only in the region of 2.4 per cent. Now, the figure is very large—\$917,350 for "Toddy Shops"—but we must understand that the cost of buying toddy has now increased and has now gone up to \$684,100; and it is not really fair to compare the provisions for "Toddy Shops" with provisions for either Social Welfare or the Muslim Affairs Department because both the Muslim Affairs Department and the Department of Social Welfare are complete expen-

diture departments. They do not have any income. They are completely State Government's provision for the benefit of religion and also for the benefit of Social Welfare; whereas in the case of toddy, the State Government has an income of \$1,200,000 provided for in 1977. So, in actual fact, the toddy shop is not a subsidy by the State Government.

Whereas the Honourable Member for Pengkalan Kota said this is a heritage of the British period and we have to carry it on. As a matter of fact, the Government will be very happy if we can reach a stage where we do not have to depend upon toddy shops. And the Honourable Member from Pengkalan Kota will realise that I personally have been a very strong advocate for the elimination of toddy shops. But we have to do this step by step and in accordance with the process of development.

Here I would like to indicate to the House how careful Government is because if we take \$917,350 provided for, and we now know that it costs \$684,100 just to buy toddy, we will realise that the State Government spends very nearly \$200,000 a year for the purposes of maintaining the toddy shops. As I had said, there are people who have been working in these toddy shops earning about \$200,000 a year. Now, if we close down the toddy shops these people will now be out of employment. Similarly, those who work and collect toddy will also lose an income amounting to over \$600,000. Therefore we have to move slowly, and I think we have now come almost to the point, as the Honourable Member from Pengkalan Kota rightly said, where the amount to be obtained by way of revenue and the cost of servicing this particular from of requirement by the Society can be balanced off; but whether we want to remove it or whether we should still take care of this group of people who want to drink toddy, as you will see there are still not only people from different racial groups who drink toddy but people from different age groups

who also drink toddy. That is why I think it is far better for our younger people to drink toddy than to take drugs or hard-drugs. That is just an opinion but I think that in the course of years, if we look back through the Budget, certainly the State Government's handling of the position of toddy shops has reached a stage whereby we are almost ready to equate toddy shops and take it out from the Budget. The provisions for Social Welfare show a 13.4 per cent increase. Therefore the State Government's weightage for these three departments—toddy shops, increase of 2.4 per cent; Social Welfare, increase of 13.4 per cent, and Department of Muslim Affairs, increase 18 per cent—for next year clearly indicates Government's priorities for which the Government should help. Saya haraplah perkara ini kita boleh selesaikan dengan adil.

Masalah-masalah yang berbangkit daripada Yang Berhormat Ahli dari Penaga, Sungai Dua, Penanti dan juga Balik Pulau berkenaan parit dan tali-air, perkara inipun sungguh diambil perhatian dan tindakan. Bilalah Yang Berhormat dari Datuk Keramat, semasa beliau menjadi Pemangku Ketua Menteri di bulan Disember tahun 1975, beliau pun telah mengadakan satu dialog dengan petani-petani di Seberang Perai di dalam pejabat Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, Seberang Perai; dan masa itu te'ah ditubuhkan satu Jawatankuasa yang sekarang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor untuk menyiasat dan mencari langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah ini. Jadi saya haraplah masalah-masalah ini tidak ditimbulkan atau diperbangkitkan dalam Dewan ini lagi.

Setiausaha Kerajaan Negeri bolehlah lagi menjalankan satu Jawatankuasa Tindakan Negeri, peringkat Jawatankuasa Kerja, membincangkan masalah ini dan saya harap Yang Berhormat Ahli-ahli yang telah membawa dan membangkitkan perkara ini bolehlah masuk ke dalam Jawatankuasa itu. Apa yang kita hendak

tunjuk ialah bagaimana sungguh-sungguh wakil-wakil rakyat di dalam Dewan ini bolehlah bekerjasama dengan Kerajaan dengan rapat dan dalam masa yang pendek bolehlah kita selesaikan masalah-masalah semacam masalah parit-parit yang tidak cuci dan masalah sampah-sampah yang sangkut dalam pintu air dan lain-lain.

Perkara ikan-ikan darat, saya haraplah ini satu perkara yang pejabat yang berkenaan bolehlah buat dialog dengan Kementerian yang berkenaan sebab Kerajaan Negeri pun meminta beberapa rancangan untuk membiak ikan-ikan di dalam bendang-bendang dan tali-air yang kita ada di dalam Negeri kita. Masaalah penanaman padi untuk satu musim ialah satu masaalah besar. Saya haraplah jika boleh kita buat satu rancangan yangmana musim tali-air bolehlah berhubung dengan rapat sedikit.

Saya ingat inilah perkara-perkara yang telah diperbangkit dan sekali lagi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli yang memberi sokongan mereka.

Soalan dikemukakan dan dipersejuti.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Wang sebanyak \$3,633,800 untuk Kepala B. 1 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$316,070 untuk Kepala B. 2 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,610,450 untuk Kepala B. 3 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$418,250 untuk Kepala B. 4 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$2,817,430 untuk Kepala B. 5 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$389,690 untuk Kepala B. 6 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$136,300 untuk Kepala B. 7 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$288,880 untuk Kepala B. 8 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$917,350 untuk Kepala B. 9 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$7,302,320 untuk Kepala B. 10 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$403,600 untuk Kepala B. 11 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$610,330 untuk Kepala B. 12 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$234,650 untuk Kepala B. 13 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,727,570 untuk Kepala B. 14 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$955,010 untuk Kepala B. 15 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$819,680 untuk Kepala B. 16 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Speaker: Jadual, Fasal 1, Fasal 2, tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Dewan bersidang semula.

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan 1977, tahun 1976, telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Soalan dikemukakan dan Usul dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta luluskan.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.55 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.30 petang.

(2) Rang Undang-undang Perbandaran Ordinan Perbandaran (Pindaan) (Pulau Pinang), 1976

Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri: Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-Undang bernama Enakmen untuk meminda Ordinan Perbandaran (Pindaan), 1976 dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali pertama.

Tuan Speaker: Bacaan kali yang kedua hari apa?

Ketua Menteri: Tuan Speaker, sekarang juga.

Tuan Speaker: Baiklah.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri: Saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama "Enakmen Ordinan Perbandaran (Pindaan) (Pulau Pinang), 1976" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Speaker, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Perbandaran bagi menguntukkan perlantikan seseorang yang menjalankan tugas Setiausaha Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan secara sah semasa beliau tidak ada atau seseorang "Secretary" yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Dari semasa ke semasa adalah didapati perlu supaya seseorang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Setiausaha pada bila-bila masa Setiausaha bercuti, uzur atau apabila beliau tidak dapat melaksanakan tugas-tugasnya.

Cadangan pindaan ini juga memberi tafsiran "Secretary" selaras dengan tafsiran Setiausaha yang diuntukkan di dalam Akta Kerajaan Tempatan

1976, yang telah pun diluluskan oleh Parlimen dan dengan apa-apa nama yang dipinda di dalam Lembaga untuk "Setiausaha" atau "Secretary".

Rang Undang-Undang ini telah disediakan selepas Kerajaan Negeri berunding dengan Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dan Majlis Kebangsaan bagi Kerajaan Tempatan seperti yang dikehendaki oleh Artikul 95A (6) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker: Dewan dibuka untuk dibahas.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini kini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk tujuan menimbangkan Rang Undang-Undang ini sefasal demi sefasal.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Fasal 1, Fasal 2, tajuk penuh dan fasal yang mengundang menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Dewan bersidang semula.

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri: Datuk Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-Undang Ordinan Perbandaran (Pindaan) (Pulau Pinang), tahun 1976, telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed): Datuk Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

Dewan ditangguhkan jam 4.38 petang.